




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI SELASA: 3 MARCH 2009

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 77)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9
RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)

TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) apakah tindakan-tindakan segera yang akan dilaksanakan untuk mencegah bertambahnya insiden gadis-gadis muda berumur di antara 12 dan 16 tahun yang terbabit dalam aktiviti seks awal, rakan seks berganda dan pengguguran; dan
- (b) senaraikan bilangan insiden di atas mengikut negeri bagi tahun 2000.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius insiden gadis-gadis muda berumur di antara 12 dan 16 tahun yang terbabit dalam aktiviti seks awal, rakan seks berganda dan pengguguran. Insiden ini merupakan satu masalah sosial yang memerlukan perhatian seluruh lapisan masyarakat.

Antara tindakan segera yang diambil oleh JKJ bagi mencegah bertambahnya insiden gadis-gadis muda berumur di antara 12 dan 16 tahun yang terbabit dalam aktiviti seks awal, rakan seks berganda dan pengguguran termasuklah dengan memberi perlindungan dan pemulihan mengikut peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 seperti berikut :-

- (a) Seksyen 41(2)(d), Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan kanak-kanak perempuan di bawah

umur 18 tahun diberi perlindungan segera di institusi JKM atas permohonan mereka sendiri;

- (b) Seksyen 38, Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan perlindungan dan pemulihan jika kanak-kanak itu sedang didorong untuk melakukan apa-apa perbuatan seksual atau terdedah kepada suasana yang kurang sihat seperti tinggal atau mengunjungi rumah pelacuran atau tempat yang berkaitan dengan pelacuran.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, KPWKM melalui JKM juga telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi mencegah bertambahnya insiden ini. Antaranya termasuklah :-

- i) Meminda peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 dengan memberi penekanan kepada peranan ibu bapa, ahli

keluarga dan masyarakat supaya lebih bertanggungjawab mengenai salahlaku anak-anak mereka;

- ii) Mengadakan program interaktif untuk mengenalpasti masalah keluarga dan kanak-kanak dari segi psikologi keluarga selaras dengan peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001;
- iii) Menjalankan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi seperti Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD) dan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK);
dan
- iv) Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Pelajaran , agensi-agensi berkaitan, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan serta anggota masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Disamping itu, KPWKM sedang merancang untuk melancarkan Program Peningkatan Kesedaran Tanggungjawab Masyarakat Terhadap Perlindungan dan Keselamatan Kanak-kanak (Ring The Red Bell) di seluruh negara. Program ini diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibu bapa berkaitan kepentingan keselamatan kanak-kanak yang bukan menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi juga masyarakat dan ibu bapa.

- b) Bilangan insiden kanak-kanak terlibat dengan aktiviti seks bebas yang memerlukan perlindungan dan pemulihan dan dirujuk ke JKM mengikut Negeri Bagi Tahun 2000 adalah seperti berikut:

Negeri	Tahun 2000
Johor	179
Kedah	18
Kelantan	6
Melaka	17

Negeri Sembilan	30
Pahang	20
Perak	59
Perlis	5
Pulau Pinang	21
Selangor	120
Trengganu	23
W.P.Kuala Lumpur	133
W.P. Labuan	0
Sabah	27
Sarawak	52
JUMLAH	710

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN

HAJI SALLEH

(KALABAKAN)

TARIKH : 03 MAC, 2008 (SELASA)

SOALAN : DATUK SERI PANGLIMA

ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI

ASAS TANI

menyatakan :

(a) Apakah Kementerian sedar bahawa beras bersubsidi tidak dinikmati oleh rakyat di negeri Sabah ; dan

(b) Jika ya, apakah rancangan Kementerian agar kemudahan ini dinikmati oleh rakyat Sabah khususnya rakyat miskin dan berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Beras bersubsidi ini merangkumi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pada 1 Jun 2008 Kerajaan telah melaksanakan penyeragaman harga beras ST 15%, SST 5%, dan SST 10% di Sabah dan Sarawak dengan membekalkan beras Super 15%, Super 15%, dan Super 5% yang diimport. Tujuan penyeragaman harga ini adalah bagi membantu golongan pengguna berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak. Harga beras Super 15% dijual pada harga runcit RM1.80/kg dan harga beras Super 5% dan Super 10% dijual masing-masing pada harga RM2.60/kg dan RM2.40/kg. Pada 7 November 2008, Kerajaan telah menurunkan harga siling beras SS 5% dan SS 10% di Sabah kepada RM2.60/kg dan RM2.40/kg.

Bagi membekalkan beras Super 15% di Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 108.3 juta bagi perbezaan harga belian beras import dengan harga jualan borong beras yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
[SUBANG]
TARIKH : 3 MAC 2009
RUJUKAN : 1538

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes wanita dirompak termasuk beg ragut, rompakan di rumah dan semasa dalam kereta yang telah berlaku pada tahun-tahun 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2008 mengikut negeri dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak polis untuk melindungi kaum wanita daripada ancaman ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak polis tidak menyimpan rujukan statistik secara spesifik berhubung kes-kes jenayah melibatkan kaum wanita sepertimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat Subang. Ini kerana kes samun atau ragut boleh terjadi kepada sesiapa sahaja tanpa membezakan kaum lelaki dan wanita.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kes curi ragut, sebanyak 11,336 kes dilaporkan pada tahun 2004. Walaubagaimanapun, jumlah tersebut menurun sebanyak -1,719 kes atau -17.87% kepada 9,617 kes pada tahun 2005. Pada tahun 2006, jumlah kes curi ragut mencatatkan peningkatan sebanyak 1,458 kes atau 13.16% kepada 11,075 kes. Manakala pada tahun 2007, terdapat penurunan sebanyak -148 kes atau -1.35% menjadikan jumlah kes curi ragut menurun kepada 10,927 kes pada tahun tersebut. Bagi tahun 2008, sebanyak 8,305 kes curi ragut dilaporkan. Jumlah tersebut adalah jauh lebih rendah berbanding tahun sebelumnya iaitu menurun sebanyak -2,622 kes atau -31.57%.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis tidak pernah membuat statistik khusus berhubung kes rompakan di rumah dan semasa dalam kereta sepertimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat Subang. Setiap kes seperti yang disebutkan tadi adalah diklasifikasikan sebagai samun dan jumlah kes samun pada tahun 2004 adalah sebanyak 15,452 kes. Manakala, pada tahun 2005, sebanyak 15,411 kes samun dilaporkan pada tahun berkenaan iaitu menurun sebanyak -41 kes atau -0.266% berbanding tahun 2004. Bagi tahun 2006 sebanyak 21,473 kes dilaporkan pada tahun berkenaan. Ini mencatatkan peningkatan sebanyak 6,062 kes atau 28.23% lebih tinggi berbanding tahun 2005. Seterusnya, bagi tahun 2007 sebanyak 24,586 kes dilaporkan pada tahun tersebut iaitu meningkat sebanyak 3,113 kes atau 12.66% lebih tinggi berbanding tahun 2006. Akhir sekali, bagi tahun 2008 jumlah kes samun yang dilaporkan di seluruh negara adalah sebanyak 27,021 kes. Angka yang dicatatkan ini adalah jauh lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu meningkat sebanyak 2,435 kes atau 9.01%.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis sentiasa memberikan tumpuan terutama sekali terhadap kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi dan kerap berlakunya jenayah. Bagi membendung masalah ini daripada terus berlarutan, jumlah rondaan oleh anggota polis ditambah supaya menjadi lebih kerap. Penggunaan kenderaan MPV untuk tujuan

rondaan, rondaan bermotosikal dan rondaan Bit/Patrol secara berjalan kaki turut dijalankan di laluan-laluan yang dikenalpasti menjadi kawasan tumpuan orang ramai. Balai-balai polis komuniti serta pondok-pondok polis turut diwujudkan dengan lebih banyak bagi memberi khidmat sokongan kepada balai-balai polis utama. Ini kerana, radius atau kawasan rondaan dapat dikecilkan dan penumpuan yang lebih fokus boleh diberikan kepada kawasan-kawasan tersebut dan secara tidak langsung akan meningkatkan kehadiran pihak polis di kawasan yang berkenaan. Selain itu, rangkaian kerjasama di antara pihak polis dan masyarakat setempat juga diperat lagi melalui penyertaan masyarakat dalam "Rakan Cop". Pihak polis juga telah menyediakan kemudahan atas talian dan sms bagi memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak polis berhubung jenayah yang berlaku di tempat tinggal masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya mengingatkan kepada orang ramai terutama sekali kaum wanita supaya mengelak daripada membuat perjalanan pada lewat malam seorang diri dan mengelakkan diri daripada berada di tempat yang sunyi dan terpencil sekiranya tidak berteman. Orang ramai juga digalakkan supaya memasang alat keselamatan tambahan di rumah persendirian seperti loceng penggera keselamatan dan memasang kunci tambahan yang lebih kukuh di kediaman masing-masing.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI
ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR
(JERANTUT)

TARIKH : 03.03.09

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan sejauh mana persediaan untuk melaksanakan Jalan Kampung Tuit ke Kampung Mat Daling dalam Rancangan Malaysia ke 9.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB. Dato' Seri, pada masa ini proses penyediaan rekabentuk jalan Kampung Tuit ke Kampung Mat Daling sedang dijalankan dan dijangka akan selesai pada penghujung tahun ini. Bagi pelaksanaan projek pula, pihak Unit Perancang Ekonomi telah bersetuju pembinaan projek dibuat secara berfasa. Siling peruntukan berjumlah RM80 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan fasa 1 yang bermula dari Kampung Tuit hingga ke Kampung Pagi sepanjang 26 km.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)

TARIKH : 03.03.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan :

- (a) jumlah graduan tempatan yang tidak diiktiraf ijazah pengajian mereka yang diperolehi dari pusat pengajian tinggi luar negara mengikut bidang pengajian mereka ; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil bagi membantu golongan graduan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu ingin dijelaskan bahawa pertanyaan berkaitan pengiktirafan ijazah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Namun, seperti input yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), JPA tidak mempunyai rekod bilangan graduan tempatan yang mengikuti pengajian yang tidak diiktiraf di luar negara. Ini adalah kerana JPA hanya menaja pelajar-pelajar luar untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama di luar negara dalam kursus-kursus yang diiktiraf sahaja. Bagi graduan yang memiliki ijazah atau diploma yang tidak

diiktiraf, pelantikan secara Khas Untuk Penyandang bagi bidang-bidang pengajian tertentu boleh dipertimbangkan bagi membolehkan mereka berkhidmat dengan Kerajaan. Sementara itu, bagi graduan perubatan yang tidak diiktiraf, mereka diberi peluang mengambil Ujian Kelayakan Perubatan untuk melayakkan mereka berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
(LABUAN)
TARIKH : 03. 03. 2009
NO. SOALAN : 15

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL (LABUAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha-usaha selain pemantauan harga, sedang diambil dalam menangani harga barangan yang tinggi di W.P Labuan, meskipun penurunan harga minyak telah beberapa kali dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Selepas harga bahan petroleum diturunkan sebanyak 7 kali, kebanyakan peniaga tidak segera menurunkan harga barang kerana mereka ingin menghabiskan stok lama yang telah dibeli pada harga tinggi. Ini kerana kos barangan bukan sahaja dipengaruhi oleh harga bahan api tetapi juga dipengaruhi oleh kos operasi lain dan faktor *inefficiency in the market*, dengan izin. Maka

adalah sukar bagi Kerajaan bagi memastikan harga barangan dipengaruhi secara langsung oleh penurunan harga bahan api.

Hasil pemantauan harga di pasaran secara mingguan ke atas harga 255 barang di Wilayah Persekutuan Labuan sendiri didapati harga barang-barang keperluan pengguna dan bahan keperluan asas masih tidak sejajar dengan penurunan bahan api.

Walau bagaimana pun, Kementerian prihatin dengan perkara ini dan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat di Wilayah Persekutuan Labuan bagi mendapatkan barangan keperluan pada paras harga yang munasabah. Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil termasuk:-

- i) menguatkuasakan undang-undang diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 terhadap peniaga yang jika didapati bersalah menyorok barang-barang kawalan boleh dijatuhkan hukuman;
- ii) memberi fokus kepada penandaan harga dan pelaksanaan di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993;
- iii) memastikan harga borong dan runcit bagi gula sebagai barang harga terkawal di bawah Akta Kawalan Harga 1946 pada paras yang munasabah di Wilayah Persekutuan Labuan;
- iv) penguatkuasaan diteruskan sepanjang masa bagi memastikan undang-undang dipatuhi oleh pihak peniaga. Tindakan pemeriksaan secara total dijalankan sepanjang masa dan semasa musim perayaan;

- v) menjalan pemeriksaan secara bersepadu bersama agensi penguatkuasa lain untuk menguatkuasakan undang-undang masing-masing antaranya PBT, Kastam, Imigresen, Kementerian Kesihatan dan SSM;
- vi) melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan di bawah Akta Kawalan Harga 1946.
- vii) meneruskan pemberian subsidi kepada beberapa barangan perlu supaya harga barangan tersebut terus kekal agar tidak menimbulkan masalah rentetan yang boleh menyusahkan pengguna;
- viii) menggalakkan peniaga dan pengusaha di Wilayah Persekutuan Labuan terlibat sama dalam kempen penurunan harga barang-barang keperluan.

Mulai Jan hingga 15 Februari 2009, sejumlah 1,690 pemeriksaan premis telah dibuat meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Pemeriksaan ini menghasilkan 1 kes dengan ahli rampasan RM 80.00 manakala jumlah keahlian kompaun dalam RM 500.00.

DISEDIAKAN OLEH:

Nama : En Abd Rahim bin Omar
Bahagian Penguatkuasa
(Tel: 03-88826018)
: Angelina Fatimah a/p Ambrose

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
(KETEREH)
TARIKH : 03.03.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah atau arahan khusus yang telah dibuat bagi memastikan kemudahan makmal komputer di sekolah dimanfaatkan secara maksima untuk program celik IT di kalangan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Pembestarian Sekolah yang bertujuan mengaplikasikan konsep Sekolah Bestari pada semua sekolah rendah dan menengah seluruh negara. Program ini merupakan proses berterusan ke arah pembudayaan penggunaan ICT dalam pendidikan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah serta kompetensi guru. Kemahiran yang diperolehi dapat melahirkan murid yang mengamalkan pembelajaran akses sendiri (self-access), terarah (self-directed) dan kadar sendiri (self-paced).

Melalui Pembestarian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan pelbagai infrastruktur dan perkakasan ICT untuk membantu pembudayaan ICT di sekolah. Guru dan murid dapat meningkatkan kemahiran

mempelbagaikan penggunaan ICT secara kreatif dan efektif. Selain itu, guru dan murid dapat mempelbagaikan sumber pendidikan melalui akses kepada internet dan penggunaan bahan pengisian pelbagai media yang disediakan oleh KPM. Guru boleh menggunakan aplikasi Pengurusan Pembelajaran untuk mengurus proses pengajaran dan pengajaran dengan lebih cekap dan cepat.

KPM telah menghasilkan buku Panduan Pelaksanaan Program Pengkomputeran di Sekolah untuk digunakan sebagai 'one stop reference' tentang kepenggunaan makmal komputer kepada pentadbir, pendidik dan murid serta orang ramai. Panduan pengkomputeran ini bertujuan untuk menyediakan seluruh warga pendidik di peringkat persekolahan, latihan perguruan dan perkhidmatan bagi menghadapi cabaran perubahan, hasil daripada peluasan projek-projek yang berkaitan dengan ICT di sekolah, peluasan pembestarian sekolah, pengumpulan dan kemaskini data pengajaran dan pembelajaran serta penglibatan pihak-pihak swasta dengan sekolah. Buku panduan ini juga digunakan oleh pihak sekolah untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program-program yang berkaitan dengan ICT ke tahap yang optimum.

KPM juga telah menerbitkan Buku Panduan Penggunaan Pusat Akses pada tahun 2006 bertujuan untuk menyeragamkan pelaksanaan dan penggunaan Pusat Akses di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN TIONG THAI KING

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.03.2009

Datuk Tiong Thai King (Lanang) menyatakan apakah tamparan yang dihadapi oleh eksport negara selepas tsunami ekonomi pada tahun 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2008, persekitaran ekonomi dan perdagangan global terjejas dan bertambah buruk terutamanya bagi tempoh suku ketiga dan keempat berikutan krisis kewangan global yang berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah yang menular ke seluruh dunia. Malaysia juga tidak terlepas daripada tempias kelembapan ekonomi global ini yang menyaksikan eksport mencatat pertumbuhan negatif 7.4% pada suku keempat 2008 akibat penurunan permintaan terhadap barangan eksport negara. Pertumbuhan eksport bagi tahun 2008 adalah 9.6%.

2. Semua sektor telah terjejas akibat pengurangan dalam permintaan barangan eksport. Pada tahun 2008, eksport barangan pembuatan terutamanya barangan elektrik & elektronik yang merupakan penjana pendapatan terbesar Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang negatif sepanjang tahun. Pada awal tahun 2008, barangan kimia, keluaran kimia dan plastik serta keluaran petroleum telah mencatatkan hasil yang baik. Walau bagaimanapun, akibat situasi pasaran eksport yang perlahan pada separuh kedua, hasil eksport barangan tersebut telah mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak -15.3% dan -22.5% pada suku keempat 2008.

3. Bagi eksport komoditi, hasil eksport bagi produk mineral terutamanya minyak mentah meningkat 52.1% dalam tempoh separuh masa pertama 2008 disokong oleh harga minyak mentah dan permintaan yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua, hasil eksport negara berkurangan pada 13.1% kesan daripada kejatuhan harga minyak dunia mulai bulan Ogos 2008. Dalam tempoh separuh pertama, hasil eksport komoditi pertanian terutamanya minyak sawit dan getah berkembang kukuh 89.6% dan 26.2%, tetapi bagi suku keempat 2008 hasil eksport minyak sawit dan getah mencatatkan penurunan ketara sebanyak -10.9% dan -46.3% disebabkan oleh harga pasaran yang rendah.

4. Trend menurun eksport ini dijangka akan berterusan bagi tahun 2009 dan ini akan mengurangkan hasil eksport negara. Untuk mengatasi masalah penurunan eksport, kerajaan akan meningkatkan perdagangan ke China dan India serta pasaran baru di Timur Tengah.

dan Eropah Timur. Kerajaan juga akan terus menggalakkan penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutamanya dalam mempromosi eksport makanan dan produk halal ke luar negara. Usaha ini akan diterajui oleh MATRADE. Di samping itu, bagi meningkatkan peluang perdagangan, Malaysia telah melibatkan diri dalam proses rundingan perdagangan dengan negara lain.

**PERTANYAAN- PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 3 MAC 2009

RUJUKAN : 1537

SOALAN :

**Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan penyiasatan Senate Amerika Syarikat
mengenai human trafficking di Malaysia oleh pegawai kerajaan. Adakah
dakwaan Senate Amerika Syarikat benar dan apakah cadangan
kementerian untuk membuktikan bahawa dakwaan ini tidak betul.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Klang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Pulau bertarikh 12 Mac 2009 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian mengambil maklum akan dakwaan dari pihak Senate Amerika Syarikat mengenai berlakunya kegiatan pemerdagangan orang di Malaysia yang melibatkan pegawai kerajaan. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian telah meminta agensi penguatkuasa iaitu PDRM dan Jabatan Imigresen menjalankan siasatan atas dakwaan tersebut.

Siasatan ini masih lagi berjalan. Dan sekiranya terdapat kebenaran dan bukti kukuh akan dakwaan ini, maka pihak berkuasa akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut lunas undang-undang.

NO: 19

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE DUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah
[Batu Sapi]**

TARIKH : 3 Mac 2009

SOALAN : 19

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah kajian "*Cost Benefit Analysis*" telah dilakukan oleh Agensi Remote Sensing Negara dan Agensi Angkasa Negara bagi pembangunan aset seperti stesen penerima satelit dan makmal pengujian satelit.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Agensi Remote Sensing Negara dan Agensi Angkasa Negara tidak menjalankan "*Cost Benefit Analysis*" yang spesifik bagi pembangunan aset seperti stesen

penerima satelit dan makmal pengujian satelit. Walau bagaimanapun, projek-projek pembinaan stesen penerima satelit dan makmal pengujian satelit telah dilaksanakan dengan mengambil kira dua keperluan utama pembangunan teknologi angkasa negara secara keseluruhannya iaitu;

- (i) keperluan maklumat permukaan bumi terkini bagi menyokong usaha-usaha negara dalam pengurusan pengeluaran pertanian, sumber asli, alam sekitar, bencana, keselamatan dan pembangunan tanah negara dengan lebih efektif di lebih 30 agensi kerajaan dan swasta; dan
- (ii) keperluan infrastruktur yang berkaitan dengan pembangunan teknologi angkasa. Pelaksanaan stesen penerima satelit ini telah mengambil kira kajian dan cadangan juruperunding CCRS yang telah dijalankan pada tahun 1996. Ianya dijalankan secara tender terbuka. Sehingga kini stesen penerima bumi di Temerloh digunakan sepenuhnya bagi menerima data-data satelit-satelit remote sensing komersil luar negara iaitu SPOT dari Perancis; Radarsat dari Kanada; NOAA, MODIS dari Amerika Syarikat; dan OCM dari India. Stesen ini akan turut menerima data daripada satelit negara kita, RazakSat, selepas ianya dilancarkan pada April tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia perlu membangunkan kebolehannya supaya tidak ketinggalan dalam teknologi angkasa yang merupakan teknologi strategik masa depan untuk aplikasi telekomunikasi, remote sensing, kajicuaca, keselamatan dan '*Global Positioning System*' (GPS) sepertimana yang juga dibangunkan di negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam, dan Singapura.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

TARIKH: 3 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [Jerai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi menghadapi situasi pemberhentian 170,000 pekerja menjelang September 2009 ini seperti yang dilaporkan MEF baru-baru ini.

PR-1221-L17832

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Krisis ekonomi global yang sedang berlaku memberi kesan kepada banyak negara. Walaupun tidak terlalu terjejas berbanding negara-negara lain, Malaysia tidak terkecuali daripada tempas krisis tersebut. Sektor-sektor yang agak terjejas oleh krisis ekonomi adalah sektor pembuatan khususnya subsektor elektronik, elektrik dan tekstil dan pakaian.

Dari bulan Oktober 2008 hingga 1 Mac 2009, sekarang seramai 11,705 pekerja tempatan telah diberhentikan kerja secara tetap. Sementara itu seramai 4,652 telah diberhentikan kerja secara sukarela. Majoriti daripada pekerja-pekerja yang diberhentikan adalah dari

sub-sektor-sub-sektor yang disebutkan tadi. Adalah menjadi peranan dan tanggungjawab semua pihak untuk memainkan peranan yang proaktif dalam menghadapi cabaran tersebut dan kita semua mesti saling bekerjasama tanpa mengira fahaman politik.

Kerajaan sentiasa terbuka untuk menerima pandangan semua pihak mengenai langkah terbaik untuk menangani cabaran ini. Pihak Kerajaan ingin menyarankan agar semua pihak berusaha menggembleng tenaga untuk memimumkan kesan krisis ini ke atas ekonomi dan rakyat.

Dalam hubungan ini, di antara langkah pertama Kementerian Sumber Manusia (KSM), adalah menwujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terutamanya terhadap pekerja yang diberhentikan. Pihak majikan daripada semua sektor, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan perlu menyumbang idea yang bernas untuk mengelakkan pengangguran dan pemberhentian. Perbincangan dan maklum balas yang diterima amat berfaedah dalam membantu menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemberhentian. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan cadangan dan pandangan daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah penyelesaian untuk mengatasi masalah pemberhentian pekerja seperti berikut:

- a) Meningkatkan *accessibility* mekanisme khidmat bantuan Kerajaan kepada rakyat menerusi penubuhan 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara; Sebahagian daripada tugas Bilik Operasi ialah:-
 - memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja di kawasan seliaan Bilik Gerakan;
 - mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan yang ada di dalam negara;

- membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru; dan
- Mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- Membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian.
- Memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;

c) Kerajaan juga mengkaji peluang latihan semula dan penempatan (*train & place*) kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk juga belia dan siswazah menganggur) untuk memperoleh kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Semasa dalam latihan mereka akan diberi elaun sara diri sebanyak RM500 sebulan untuk menampung perbelanjaan minimum. Di bawah program ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta bagi tujuan tersebut. Pada masa ini, KSM sedang mengenal pasti penyedia-penyedia latihan. Pekerja-pekerja yang diberhentikan dan telah berdaftar dengan *JobsMalaysia* akan diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan.

d) Kementerian saya sedang berkerjasama dengan agensi-agensi yang lain untuk diberi bantuan ekhsan untuk mereka yang jatuh dibawah Garis Kemiskinan akibat pemberhentian kerja.

e) Satu lagi program yang dicadangkan oleh Kerajaan adalah diberi latihan kepada pekerja yang menghadapi oleh pemberhentian sentara supaya mereka diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dapat dikurangkan dan pekerja dapat kerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

g) Kerajaan telah memutuskan supaya pekerja asing di sektor pembuatan terutama di sektor elektrik dan eletronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Sebagai galakan kepada majikan, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi

pekerja asing akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

SOALAN 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID

TARIKH : 3 MAC 2009

SOALAN : MEMINTA MENTERI PELANCONGAN

menyatakan :

Apakah tindakan Kementerian untuk meningkatkan promosi bagi membantu program homestay di negara ini, memandangkan antara punca utama yang menjejaskan program ini adalah kurangnya promosi dan iklan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Homestay merupakan salah satu produk utama yang dipromosikan oleh Kementerian Pelancongan melalui agensinya, Tourism Malaysia, memandangkan ianya berkemampuan untuk menarik kedatangan pelancong asing dalam jumlah yang besar ke negara ini.

Program homestay yang bermula sejak 1995 memberi satu pengalaman yang unik kepada pelancong mengenai budaya dan cara hidup seharian warga kampung di Malaysia.

Sehingga masa ini terdapat sebanyak **147 kampung yang terlibat di dalam program homestay dan seramai 2885 pengusaha** yang mengusahakan program tersebut.

Pendapatan yang dihasilkan daripada produk ini kepada pengusaha pengusaha tersebut dalam **tahun 2008 ialah RM6.3 juta berbanding dengan RM4.9 juta dalam tahun 2007.**

Aktiviti promosi telah dan sedang dilaksanakan di dalam dan luar negara secara bersepadu dengan Persatuan Homestay Malaysia dan Kerajaan Negeri.

Di antara aktiviti-aktiviti promosi utama yang dijalankan secara berterusan termasuklah **menganjur lawatan misi jualan homestay di luar negara, mempromosikan program homestay di pameran-pameran pelancongan, mengatur**

lawatan suaikenal ke kampung homestay bagi agen pelancongan, media dan kumpulan terpilih dari luar dan dalam negara.

Bagi meningkatkan kesedaran pelancong mengenai produk ini, Tourism Malaysia telah menghasilkan iklan TV yang menggambarkan percutian remaja di "homestay" melalui TV1 dan juga TV3.

Selain daripada itu, Tourism Malaysia juga menerbitkan risalah, poskad dan poster bagi mempromosikan produk berkenaan di dalam dan luar negara.

Laman web khusus juga diwujudkan untuk program homestay yang menyediakan maklumat lengkap mengenai semua kampung yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

NW-22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : Y. B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
PERTANYAAN : Lisan
TARIKH : 3 Mac 2009
SOALAN : 22

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) meminta Y.A.B. Perdana Menteri menyatakan berapa banyak syarikat yang telah mengemukakan cadangan bagi projek Government Integrated Radio Network (GIRN) dan kos pembiayaannya. Kenapakah EPU terlibat dalam projek ini dan apakah sistem rangkaian ini selamat untuk digunakan dan tidak boleh digodam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelaksanaan GIRN adalah bagi menghapuskan pertindihan dan melahirkan satu rangkaian telekomunikasi bersepadu agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan Kerajaan.

Kerajaan telah melantik Sapura Holdings Sdn. Bhd untuk melaksanakan projek ini. Walau bagaimanapun, bagi mendapatkan pembekal teknologi (technology provider), Kerajaan telah mengarahkan Sapura Holdings Sdn. Bhd. untuk melaksanakan proses tender. Sebanyak 9 syarikat telah dipanggil untuk menyertai tender ini, tetapi hanya 5 syarikat mengemukakan tawaran harga.

Kos projek GIRN terdiri daripada kos infrastruktur dan penyediaan rangkaian sebanyak RM1.833 bilion dan kos perkhidmatan penyelenggaraan operasi yang akan disemak setiap lima tahun untuk tempoh konsesi selama 20 tahun.

Penglibatan UPE dalam projek ini adalah kerana penetapan Dasar Penswastaaan Kerajaan iaitu sebarang projek penswastaaan perlu diselaraskan oleh UPE. Walau bagaimanapun, UPE mengadakan kerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara bagi menilai keseluruhan projek untuk memastikan projek ini berdaya maju dan memberi impak yang positif terhadap sistem komunikasi di antara agensi-agensi yang terlibat.

Sistem rangkaian GIRN adalah selamat dan sukar digodam kerana rangkaian dan komponen-komponennya direkabentuk secara komprehensif merangkumi fizikal, rangkaian dan siber meliputi *authentication, encryption, process dan procedure* dan ianya akan dipantau melalui *Security Audit* dari masa ke masa.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 03.03.2009

Datuk Siringan bin Gubat (Ranau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kutipan hasil melalui industri pelancongan daripada Sabah mengikut butiran dari tahun 2004 hingga 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil Kerajaan Persekutuan melalui industri pelancongan di Sabah dari tahun 2004 hingga 2008 adalah sebanyak RM100.76 juta iaitu hasil cukai langsung sebanyak RM21.92 juta, hasil cukai tidak langsung sebanyak RM77.08 juta dan hasil bukan cukai sebanyak RM1.76 juta.

NU-24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' KAMARUDDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)
TARIKH : 03. 03. 2009
NO. SOALAN : 24

DATO' KAMARUDDIN BIN JAFFAR (TUMPAT) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan rancangan Kerajaan untuk mengawal harga barangan asas yang meningkat akibat kenaikan harga minyak pada tahun 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapat barang keperluan dengan harga yang berpatutan, bukan sahaja di bandar malah di luar bandar juga. Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dalam usaha menghilangkan kegelisahan pengguna terhadap harga barangan yang masih mahal berbanding dengan penurunan harga minyak iaitu :

1. Pemantauan harga barangan keperluan di hypermarket, pasaraya dan pasar-pasar basah di seluruh Negara yang dikenali sebagai "*Price Watch*". "*Price Watch*" dilaksanakan bagi memberi maklumat kepada pengguna membuat perbandingan harga ketika berbelanja. Hasil pemantauan yang dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) boleh dirujuk di laman web Kementerian bagi membuat semakan harga pada setiap hari bagi kemudahan orang ramai. Pengguna boleh memilih mana-mana premis yang mengenakan harga yang berpatutan apabila ingin berbelanja. Ini akan menyebabkan berlaku persaingan harga di antara pasararaya-pasaraya besar di seluruh negara bagi bertujuan menarik pengguna berbelanja di pasaraya masing-masing.

2. Melaksanakan projek perintis pengedaran barang-barang perlu bersubsidi di kawasan luar bandar yang bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti beras tempatan 15 peratus hancur ST15, tepung gandum kegunaan am (GP), minyak masak pek 1kg, roti putih, gula dan LPG sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan. Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

Projek perintis tersebut telah berjaya dilaksanakan di Pulau Pinang (Seberang Perai Utara), Pahang (Pekan), Sarawak (Saratok) serta Sabah (Sipitang dan Pensiangan) dan pada tahun 2009 projek perintis ini akan dilanjutkan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan (Jeli), Kedah (Baling), Johor (Pontian) dan Terengganu (Hulu Terengganu).

3. Penganjuran Kempen Penurunan Harga yang bertujuan menggalakkan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan. Kempen tersebut telah dimulakan pada 24 Oktober 2008 dimulai di peringkat runcit terutamanya bagi sektor peruncitan moden seperti pasaraya besar asing dan tempatan contohnya Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco dan The Store, kedai runcit yang mempunyai jaringan seperti UO Superstore, Sunshine, Econsave, 99 Speedmart dan sebagainya.

4. Kerajaan juga telah mengistiharkan Tahun 2009 sebagai Tahun Kempen Beli Barangan Malaysia yang bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan buatan Malaysia yang terbukti dari segi kualitinya dan perkhidmatan selepas jualan yang memuaskan serta menawarkan harga yang berpatutan dan mampu dibeli oleh pengguna.

Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan para peniaga mematuhi undang-undang sediaada dan mengelakkan para peniaga daripada menaikkan harga barang kawalan sewenang-wenangnya. Tindakan pemeriksaan secara keseluruhan yang dijalankan sepanjang musim perayaan dan hari-hari biasa telah dapat menangani masalah peniaga yang tidak beretika.

Selain daripada itu, pemantauan harga barangan juga dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) seramai 1551 orang di bawah Majlis Harga Barang Negara. Pegawai pemantau harga membuat pemantauan ke atas harga runcit barang-barang keperluan pengguna pada setiap hari. Pemantauan dibuat di premis-premis perniagaan seperti pasar basah, pasar kering, *supermarket* dan kedai runcit yang berada di bandar-bandar utama dan daerah-daerah termasuk kawasan-kawasan pendalaman.

Sekiranya terdapat para peniaga peniaga yang menjual **barang kawalan** seperti tepung gandum, gula, beras, roti putih, susu tepung dan minyak masak yang melebihi harga siling tindakan undang-undang akan di ambil.

Selain daripada tindakan undang-undang, beberapa sesi perjumpaan dan dialog dengan pihak peniaga dan NGO pengguna juga dilakukan bagi menyampaikan mesej kerajaan dan mendapatkan input daripada mereka agar suasana peniagaan berjalan secara beretika dan melahirkan kepercayaan pengguna kepada peniaga-peniaga.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO: 25

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN
DATO' MOHD JARJIS
[ROMPIN]

TARIKH JAWAPAN : 3 MAC 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 25

SOALAN

Dato' Seri Dr. Jamaluddin Bin Dato' Mohd Jarjis minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan akan kedudukan kewangan TNB di mana penutupan penyata akaun suku pertama tahun kewangan 2009 menunjukkan kerugian sebanyak RM944.1 juta. Apakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan projek pembinaan Kabel Dasar Laut sepanjang 700 km dari Sarawak ke Semenanjung berjumlah RM9 bilion dan merupakan kos yang sama dengan pembinaan Hidro Bakun. Adakah TNB telah menjalankan kajian menyeluruh untuk pembinaan tersebut dari segi keupayaan dan risiko teknikal, teknologi dan kewangan memandangkan projek sebesar ini tidak pernah dilaksanakan di mana-mana rantau sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Adalah benar bahawa TNB telah mengalami kerugian sebanyak RM944.1 juta berdasarkan penyata akaun suku pertama tahun kewangan 2009 iaitu dari 1 September 2008 hingga 30. November 2008. Faktor-faktor terpenting yang

menyumbang kepada kerugian tersebut adalah seperti penurunan dalam permintaan, kenaikan kos bahan api, dan penyusutan nilai mata wang ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat dan Yen Jepun.

Kerajaan memang berhasrat untuk meneruskan pelaksanaan projek pembinaan kabel dasar laut bagi menyalurkan bekalan elektrik dari Empangan Bakun ke Semenanjung. Projek ini adalah penting bagi menjamin keselamatan pembekalan bekalan elektrik bagi jangka panjang dengan mempelbagaikan sumber bahan api penjanaan melalui sumber hidro *indigenous*, dengan izin. Walaupun kos pembinaan yang diperlukan adalah tinggi, namun penggunaan hidro terbukti berkesan kos dan stabil bagi jangka masa panjang berbanding harga bahan api fosil seperti gas dan arang batu yang sentiasa *volatile*, dengan izin.

Selain itu, projek ini juga merupakan salah satu daripada 14 projek sambung tara di antara negara-negara anggota yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di bawah projek ASEAN Power Grid (APG) Projek sambung tara yang bakal dilaksanakan ini akan membolehkan aktiviti eksport-import bekalan elektrik di kalangan negara-negara anggota ASEAN bagi menjamin keselamatan pembekalan elektrik serantau.

Kajian-kajian feasibiliti bagi projek penyaluran bekalan elektrik daripada Empangan Bakun ke Semenanjung telah dimulakan sejak awal tahun 1980-an lagi. Kajian terakhir adalah Kajian Sistem yang telah dilaksanakan pada tahun 2007. Skop kajian tersebut merangkumi konsep reka bentuk kabel dasar laut, analisis penghantaran elektrik melalui dasar laut dan daratan, kajian alam sekitar serta telah memperakukan hasil-hasil kajian sebelum ini bahawa projek

Sambung tara Bakun ke Semenanjung adalah *feasible*, dengan izin, dari segi teknikalnya untuk dilaksanakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]**

TARIKH : SELASA, 3 MAC 2009

RUJUKAN : 07

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa bilangan projek yang ditangguhkan kerana masalah ekonomi, projek-projek tergendala dan projek-projek (dengan kosnya) yang akan diteruskan di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Bagaimana beliau memastikan wujudnya tender terbuka dan kecekapan pelaksanaan projek-projek ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, berdasarkan senarai projek Kerajaan yang telah diperuntukkan melalui bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya, tidak ada projek-projek pembangunan DBKL, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya yang ditangguh mahupun projek-projek yang tergendala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya akibat tempas masalah ekonomi dunia yang melanda negara sejak tahun lepas. DBKL dan Perbadanan Labuan akan meneruskan projek-projek seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam bajet tahun 2009. Manakala bagi Perbadanan Putrajaya, projek-projek yang dilaksanakan pada tahun 2009 merupakan projek-projek sambungan yang akan disiapkan dengan menggunakan baki peruntukan dari tahun-tahun yang sebelumnya memandangkan tiada peruntukan bagi Projek Pembangunan yang diperuntukkan kepada Perbadanan Putrajaya bagi tahun kewangan 2009.

Sebanyak 285 projek-projek pembangunan DBKL yang melibatkan penyediaan peruntukan untuk perancangan, rekabentuk, pembinaan, penyiapan dan bayaran akhir bagi projek-projek penyediaan kemudahan awam, pasar, pusat penjaja, kemudahan sukan, taman dan rekreasi, kerja

jalanraya, kerja perparitan dan kerja-kerja penyelenggaraan.

Projek-projek tersebut adalah seperti berikut :

PROJEK PEMBANGUNAN BAJET 2009

PROJEK PEMBANGUNAN DBKL

BUTIRAN	KOS PROJEK (RM JUTA)	PERUNTUKAN 2009 (RM JUTA)	BIL PROJEK
PEMBANGUNAN AM			
BANGUNAN PEJABAT	85.391	27.020	11
BANGUNAN KEMUDAHAN AWAM	174.090	33.800	36
BANGUNAN KOMERSIAL, PASAR DAN GERAJ	210.151	29.955	26
BANGUNAN KEMUDAHAN SUKAN	36.529	10.620	8
BANGUNAN RUMAH KAKITANGAN	156.417	38.500	2
BANGUNAN LAIN-LAIN	55.793	7.300	13
KEMUDAHAN KAMPUNG	35.000	6.500	4
KEMUDAHAN-KEMUDAHAN REKREASI	285.288	68.350	43
PELBAGAI	85.033	29.196	13
KEMUDAHAN LALULINTAS	172.609	22.500	21
PERKHIDMATAN KEMAJUAN			
KERJA-KERJA JALANRAYA	1,641.778	365.500	55
KERJA-KERJA PERPARITAN	369.300	122.800	30
PEMBANGUNAN PERUMAHAN AWAM			
RUMAH PANGSA	32.188	5.182	7
PELBAGAI	36.590	15.870	5
PERUMAHAN RAKYAT			
RUMAH PANGSA	10.720	8.900	4
TEMPAT LETAK KERETA	25.000	7.000	3
PEMBANGUNAN UNTUK DIJUAL	103.433	20.080	4
JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	3,516.310	819.073	285

Bilangan projek berserta kosnya bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula adalah seperti berikut:-

PROJEK PEMBANGUNAN PERBADANAN LABUAN

BIL.	BUTIRAN	KOS PROJEK (RM JUTA)	PERUNTUKAN 2009 (RM JUTA)	BIL. PROJEK
1.	32 05000 (Perbadanan Labuan)	880,079,710	18,900,000	36
2.	32 06000 (Pembangunan Pelancongan)	15,000,000	210,000	1
JUMLAH		895,079,710	19,110,000	37

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sedia maklum bahawa terdapat beberapa kaedah di dalam pelaksanaan projek iaitu tender terhad, tender terbuka dan rundingan terus. Walau bagaimanapun, kaedah tender terbuka merupakan kaedah yang sememangnya dipraktikkan oleh DBKL, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya. Ini bertujuan memberi peluang kepada semua pihak yang berkelayakan untuk turut serta menyertai tawaran yang dikemukakan oleh DBKL, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kecekapan pelaksanaan projek, DBKL, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya mengambil langkah-langkah pemantauan dan pengawasan berterusan terhadap semua projek yang dilaksanakan melalui pelbagai peringkat iaitu:-

Peringkat Kementerian

- i. Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Wilayah Persekutuan setiap bulan.
- ii. Mengemaskini kemajuan pelaksanaan projek melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) yang diselaraskan bersama pihak ICU, JPM dan KWP.

Peringkat Agensi

- i. Mengadakan mesyuarat Pemantauan Projek-Projek Pembangunan setiap bulan;
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengesanan Projek setiap 2 bulan;
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan setiap 4 bulan;
- v. Lawatan ke tapak-tapak projek yang lewat jadual;

- vi. Mengeluarkan surat peringatan serta amaran bagi projek-projek yang lewat dari jadual;
- vii. Mesyuarat projek di tapak bersama pihak kontraktor dan juruperunding setiap bulan; dan
- viii. Kerjasama penduduk setempat yang memberi sokongan kepada pelaksanaan projek.

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa projek pembangunan swasta yang masih terbengkalai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pecahan projek - projek terbengkalai mengikut kawasan Parlimen adalah seperti berikut:

PARLIMEN	BILANGAN
Batu	1
Seputeh	1
Bukit Bintang	4
Cheras	1
Segambut	1
Titiwangsa	1
Jumlah	9

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menubuhkan dua buah jawatankuasa bagi menangani masalah serta isu yang berkaitan dengan projek terbengkalai. Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Pemandu Menangani Masalah Projek Terbengkalai di Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Projek Terbengkalai di Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Jawatankuasa tersebut **bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan mencari kaedah penyelesaian terhadap isu-isu dan permasalahan projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan.** Buat masa sekarang, beberapa isu dan penyelesaian telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Kerja terutamanya mengenai **pelan tindakan penyelesaian yang perlu diambil bagi menyelesaikan kes projek Plaza Rakyat yang telah lama tertangguh.** Melalui beberapa siri rundingan dan mesyuarat, beberapa isu besar mengenai projek ini hampir dapat diselesaikan dan adalah diharapkan agar projek ini dapat dipulihkan semula setelah hampir 12 tahun terbengkalai.

Selain itu, antara tindakan lain yang diambil ialah dengan mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi atau badan kewangan yang berkaitan bagi membantu menyelesaikan masalah yang timbul berdasarkan '*case by case*', mengenal

pasti perancangan pembangunan dari peringkat awal bagi disesuaikan dengan kegunaan tanah serta penamatan pemaju lama mengikut peruntukan undang-undang dan melantik pemaju baru yang lebih kompeten untuk melaksanakan projek (bagi projek Kerajaan).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

TARIKH: 3 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH [Gua Musang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menyelamatkan untung nasib rakyat yang kehilangan pekerjaan kesan krisis ekonomi dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil bagi mengurangkan jumlah pengangguran.

PR-1221-L17615

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha menangani isu pemberhentian pekerja ekoran kelembapan ekonomi global, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

- i) Satu Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja telah ditubuhkan di peringkat Kebangsaan dan Negeri bagi memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi bagi membantu pekerja yang diberhentikan.

ii) Sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja telah diwujudkan di seluruh negara bagi meningkatkan *accessibility* mekanisme khidmat bantuan Kerajaan kepada rakyat, khususnya mereka yang diberhentikan kerja. Di antara fungsi Bilik Operasi adalah seperti berikut :-

- memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan;
- membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru;
- mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian dan.
- memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;

iii) Melaksanakan program latihan semula dan penempatan (*train & place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan. Untuk program ini Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta dan setiap peserta akan diberi elaun sara diri.

iv) Bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara (*temporary lay-off*), mereka diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dikurangkan dan pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian saya melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bercadang mewujudkan Skim *Relief Fund For Loss of Employment* bertujuan membantu meringankan beban kewangan mereka yang hilang pekerjaan.

Pada masa ini, pekerja yang diberhentikan layak mendapat bayaran faedah penamatan mengikut Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sabah (Bab67), dan Ordinan Buruh Sarawak adalah seperti jadual dibawah:-

Bil	Tempoh	Jumlah hari Layak dibayar
1	1-2 tahun kerja	10 hari upah setiap tahun
2	2-5 tahun kerja	15 hari upah setiap tahun
3	5 tahun ke atas kerja	20 hari upah setiap tahun

Di samping itu, bagi membantu meringankan beban pekerja yang diberhentikan, Kementerian saya sedang berkerjasama dengan agensi-agensinya yang lain supaya mereka yang jatuh di bawah Garis Kemiskinan akibat pemberhentian kerja diberi bantuan ehsan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)
TARIKH : 03.03.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan di bawah dasar penswastaaan, peranan pengawal keselamatan di sekolah-sekolah dan jabatan Kerajaan diserahkan kepada syarikat swasta. Syarikat ini didapati tidak menjalankan tugas dengan baik di mana banyak pekerja menjadi mangsa seperti EPF tidak dibayar dan gaji yang rendah serta selalu tertangguh. Apakah Kerajaan berhajat untuk menilaikan semula dasar ini?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan mengadakan perbincangan dengan Persatuan Pengawal-Pengawal Keselamatan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mengeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat swasta yang menawarkan perkhidmatan pengawal keselamatan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kebajikan pengawal-pengawal keselamatan ini terjamin dari segi pembayaran gaji, elaun, pakaian seragam dan peralatan, di samping memastikan tahap perkhidmatan pengawal-pengawal keselamatan ini adalah berkualiti.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERENGGANU)
TARIKH : 03.03.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan menyemak semula sukatan pelajaran STPM yang terlalu luas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pertanyaan tersebut telah dijawab secara serentak bersama pertanyaan Y.B. Paya Besar pada 3.3.2009. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tiada maklumat tambahan berhubung pertanyaan tersebut.

SULIT

NO SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI

TARIKH : 03 Mac 2009

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan aduan-aduan yang diterima oleh SPRM daripada orang ramai sejak mula ditubuhkan hingga sekarang, bilangan kes yang disiasat atas inisiatif SPRM sendiri dan daripada mereka yang disiasat itu sila nyatakan pecahan sektor seperti politik, perkhidmatan awam, swasta dan kes melibatkan pemilihan UMNO.

SULIT

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditubuhkan pada 1 Januari 2009 sehingga 23 Februari 2009 sebanyak 1958 maklumat telah diterima oleh SPRM dan dari jumlah tersebut sebanyak 523 maklumat (26.7%) adalah terdiri dari maklumat yang diperolehi oleh pegawai SPRM.

Dalam bulan Januari 2009 sebanyak 77 Kertas Siasatan telah dibuka dan dari jumlah tersebut sebanyak 49 Kertas Siasatan adalah atas inisiatif SPRM. Sementara bagi bulan Februari 2009 pula sebanyak 89 Kertas Siasatan telah dibuka dan dari jumlah tersebut sebanyak 56 Kertas Siasatan adalah atas inisiatif SPRM sendiri.

Dalam tempoh tersebut juga SPRM telah membuat sebanyak 65 tangkapan iaitu 3 orang pegawai Perkhidmatan Awam dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 22 orang Perkhidmatan Awam dari kumpulan Sokongan, 7 orang ahli politik dan 33 orang awam dan swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
(KAPIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.03.2009

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan dari peruntukan asal Rancangan Malaysia Ke-9 dan berapa dari peruntukan tambahan RM7 bilion yang telah diumumkan pada Oktober 2008 telah juga dilaksanakan setakat masa sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, siling peruntukan asal bagi tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ke-9 adalah sebanyak RM200 bilion dan kemudiannya ditambah kepada RM230 bilion di bawah Kajian Separuh Penggal. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM123.3 bilion telah dibelanjakan dalam tempoh 2006 hingga 2008. Manakala sebanyak RM51.7 bilion diperuntukkan bagi tahun 2009. Oleh yang demikian, baki peruntukan bagi RMK-9 adalah dianggarkan sebanyak RM55 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RM7 bilion bagi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan pada bulan Oktober 2008 disediakan melalui peruntukan Belanja Mengurus iaitu dengan menggunakan penjimatan pada subsidi Gas Cecair (LPG), Petrol dan Diesel. Sehingga 13 Februari 2009, sebanyak RM6.1 bilion telah pun disalurkan kepada pelbagai agensi pelaksanaan yang terlibat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : SELASA, 3 MAC 2009
RUJUKAN : 08
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan jumlah bilangan unit kediaman, pejabat, bangunan yang dimiliki oleh warga asing baik individu mahupun syarikat di Kuala Lumpur dan sejauh mana pemilik-pemilik ini telah mematuhi undang-undang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Pihak Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak mempunyai rekod yang tepat mengenai bilangan unit-unit kediaman, pejabat dan bangunan yang dimiliki oleh individu-individu warga asing. Ini adalah berikutan sistem yang mengawal selia rekod pemilikan harta di Wilayah Persekutuan sedang dibangunkan oleh DBKL. Bagi tujuan tersebut, Pihak DBKL juga sedang mengambil tindakan bagi mengumpul dan mendapatkan data-data terkini pemilikan harta di Kuala Lumpur. Dengan adanya sistem ini nanti, maklumat yang lengkap berkenaan pemilikan harta ini akan dapat diketahui.

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada rekod pemilikan harta bagi maksud cukai taksiran pemilikan harta berdasarkan kategori lain-lain bangsa (termasuk warga asing) selain bangsa Melayu, Cina dan India pada 1 Julai 2008, pemilikan harta yang dimiliki oleh warga asing di Kuala Lumpur ialah 3,173 unit untuk harta perdagangan, 17,194 unit untuk harta kediaman dan 84 unit untuk harta industri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
(SETIU)**

TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B Dato' Mohd Jidin Shafee (Setiu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengenai jumlah bapa tunggal yang terdapat di negara ini pada tahun 2008 dan apakah Kerajaan turut memberikan pembelaan sebagaimana perhatian yang diberikan terhadap golongan ibu tunggal.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak mempunyai data rasmi mengenai jumlah bapa tunggal di Malaysia. Walau bagaimanapun, data yang diperolehi melalui Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dijalankan setiap sepuluh tahun oleh Jabatan Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2000, seramai 129,012 (1.09%) daripada 11,853,432 penduduk lelaki adalah balu/duda manakala 31,516 (0.27%) merupakan mereka yang telah bercerai atau berpisah tetap.

(Nota: Jumlah duda/lelaki bercerai tidak boleh dianggap “bapa tunggal” kerana data tidak menyatakan sama ada mereka mempunyai anak atau tidak)

Setakat ini, Kementerian tidak menyediakan program khusus untuk bapa tunggal ini. Sebaliknya KPWKM melalui Lembaga Penduduk

dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan beberapa program berkaitan kebapaan kepada para bapa melalui Modul Pancaran KASIH (Kebapaan). Modul ini bertujuan membentuk penghayatan kaum bapa bagi meningkatkan kemahiran kebapaan di dalam membentuk sahsiah anak-anak.

Selain dari itu, program pendidikan keibubapaan lain yang turut dilaksanakan termasuklah:

- i. Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) untuk ibu bapa dwi bekerja;
- ii. Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART;
- iii. Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN dengan menggunakan empat modul keibubapaan dalam Pakej KASIH; dan
- iv. Pendidikan Kekeluargaan melalui Modul Komunikasi Keluarga Berkualiti.

Program-program yang dilaksanakan ini terbuka kepada semua bapa untuk menyertainya, termasuk bapa tunggal.

Di samping itu, LPPKN juga menyediakan perkhidmatan kaunseling keluarga di peringkat Ibu Pejabat dan di 15 LPPKN Negeri, untuk semua lapisan masyarakat termasuk bapa tunggal.

Tuan Yang di-Pertua,

LPPKN turut menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif untuk kaum lelaki termasuk bapa tunggal. Melalui program seperti Kem Kesihatan Keluarga sempena Sambutan Hari Bapa dan Program *Men's Health*, LPPKN telah menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan percuma untuk kaum lelaki. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan kesejahteraan lelaki dan saringan kesihatan (PSA, TSE, BP, BMI, Glukosa dan Kolesterol).

Bagi tahun 2009, program-program tersebut akan diteruskan dengan tumpuan kepada keluarga yang berisiko (*families at risk/high risk families*), termasuk bapa-bapa tunggal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH : 3 MAC 2009

RUJUKAN : 1535

SOALAN :

**Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) apakah status laporan-laporan polis berikut iaitu Report Polis Sg. Way No. 1227/1998 dan Report Polis Sg. Gemas No. 1573/07;
- (b) adakah apa-apa tangkapan atau pendakwaan dikenakan kepada mana-mana pihak bersabit laporan tersebut dan jika ada, sila berikan butirannya. Jika tiada, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Sungai Way Report 1227/1998 adalah satu report polis yang telah dibuat oleh penama HAREKRISHNA A/L SANASY pada 12 Februari 1998 di Balai Polis Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor, berkaitan kehilangan lesen memandu kelas D (lesen percubaan). Report ini dibuat bertujuan untuk penama merujuk ke pihak Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mendapatkan lesen ganti. Report ini tidak mempunyai unsur jenayah dan oleh yang demikian ia tidak memerlukan siasatan lanjut oleh pihak polis.

Tuan Yang Dipertua,

Siasatan berkaitan Gemas Report : 1573/07 dan Gemas Report : 1614/07 iaitu kematian seorang anggota tentera bernama NORRAFIZUL BIN RAHIM di Kem 14 Rejimen Askar Melayu di Gemas, Negeri Sembilan. Siasatan telah dibuat oleh pihak polis dan kes tersebut telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Pada 21 MEI 2008, Timbalan Pendakwa Raya telah mengarahkan supaya kes

ini dirujuk kepada Mahkamah Majistret untuk diadakan inkues. Pihak polis masih menunggu tarikh tersebut daripada mahkamah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' RAZALI BIN HAJI IBRAHIM
(MUAR)**

TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah jenis bantuan yang sedia ada untuk mangsa-mangsa keganasan seksual terutama mereka yang di bawah umur 18 tahun dan langkah-langkah Kementerian untuk menghapuskan masalah sosial ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius terhadap mangsa keganasan seksual terutama mereka yang di bawah umur 18 tahun. Keganasan seksual ini merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan berperikemanusiaan serta merupakan satu masalah sosial yang memerlukan perhatian seluruh lapisan masyarakat.

Dalam usaha membantu mangsa-mangsa keganasan seksual, JKJ memberi perlindungan dan pemulihan kepada mangsa yang terlibat mengikut peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Antaranya adalah -:

- a) Seksyen 41(2)(d), Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukan kanak-kanak perempuan di bawah umur 18 tahun diberi

perlindungan segera di 4 buah institusi JKM atas permohonan mereka sendiri; dan

- b) Seksyen 38, Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan perlindungan dan pemulihan jika kanak-kanak itu sedang didorong untuk melakukan apa-apa perbuatan seksual atau terdedah kepada suasana yang kurang sihat seperti tinggal atau mengunjungi rumah pelacuran atau tempat yang berkaitan dengan pelacuran.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, KPWKM melalui JKM juga mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani masalah ini. Antaranya termasuklah:

- a) Mengadakan program interaktif untuk mengenalpasti masalah keluarga dan kanak-kanak dari segi psikologi keluarga selaras dengan peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001;
- b) Menjalankan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi seperti Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD) dan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK);
- c) Menyediakan bantuan kewangan yang bersesuaian kepada keluarga yang berkeperluan seperti:
 - Bantuan Am
 - Bantuan Kanak-kanak
 - Elaun Anak Pelihara
 - Geran Pelancaran

- Bantuan Sekolah

- d) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah; dan
- e) Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Pelajaran , agensi-agensinya berkaitan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta anggota masyarakat.

Disamping itu, KPWKMM sedang membuat pindaan kepada Akta Kanak-kanak 2001 yang antara lain, akan memberi penekanan kepada peranan ibubapa, ahli keluarga dan masyarakat supaya lebih bertanggungjawab mengenai salahlaku anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM juga sedang merancang untuk melancarkan Program Peningkatan Kesedaran Tanggungjawab Masyarakat Terhadap

Perlindungan dan Keselamatan Kanak-kanak (*Ring The Red Bell*) di seluruh negara. Program ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibu bapa berkaitan kepentingan keselamatan kanak-kanak yang bukan menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi juga masyarakat dan ibu bapa.

SOALAN NO. (36)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
(PUCHONG)
TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah projek rumah terbengkalai di kawasan Puchong sejak bulan Mac 2008 dan hasil daripada tindakan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mendapati bahawa punca utama kelewatan penyiapan projek-projek perumahan di Kawasan Puchong adalah masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan penyiapan projek-projek di bawah TCB adalah seperti berikut:-

- (i) Mengadakan mesyuarat bersama TCB pada setiap bulan bagi tujuan memantau kemajuan projek yang dijalankan.

- (ii) Membuat lawatan ke tapak projek secara lebih kerap (sebulan sekali) dan menyediakan laporan.
- (iii) Menyelarai hitam syarikat dan pengarah di bawah TCB daripada mendapat lesen baru dan pembaharuan permit iklan & jualan.
- (iv) Memantau akaun pemajuan perumahan (HDA) yang dibuka oleh TCB secara dekat supaya penyenggaraannya dibuat dengan betul dan teratur.
- (v) Memastikan TCB mengemukakan laporan kemajuan projek (laporan 7F) lebih kerap iaitu lebih daripada 2 kali setahun.

KPKT telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama TCB sejak Mac 2008 bagi menyelesaikan masalah kelewatan penyiapan projek-projek tersebut. Daripada mesyuarat-mesyuarat yang diadakan, langkah TCB untuk melantik kontraktor utama bagi menyambung kerja-kerja pembinaan bagi projek-projek yang lewat disiapkan di Puchong ini telah

gagal. Ini kerana 2 syarikat kontraktor yang telah membuat kajian kos ke atas projek-projek tersebut telah membatalkan hasrat mereka untuk menyambung kerja-kerja pembinaan sebagai kontraktor utama, disebabkan kos untuk menyiapkan projek-projek tersebut adalah tinggi. Ekoran dari itu, pihak TCB menyatakan mereka sendiri akan melaksana dan menyiapkan projek tersebut.

Mesyuarat terbaru yang telah diadakan bersama TCB adalah pada 6 Februari 2009, pihak TCB telah mengemukakan pelan tindakan penyiapan projek. Dalam mesyuarat tersebut telah diputuskan, pihak TCB dikehendaki menyegerakan kembali kerja-kerja pembinaan untuk projek yang lewat tersebut. Pihak TCB bersetuju dengan keputusan tersebut dan telah pun memulakan kerja-kerja secara berperingkat. Tarikh jangkaan siap yang dipersetujui adalah antara bulan Mei hingga Disember 2009.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NO = 37.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)
SOALAN : NO.37

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan prestasi universiti-universiti tempatan berkesan memandangkan masih tidak ada universiti tempatan yang disenaraikan dalam top 100 di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi meningkatkan prestasi IPTA tempatan termasuk:-

1. Memantapkan pengurusan dan tadbir urus IPTA;
2. Memberi lebih autonomi/penurunan kuasa kepada universiti;
3. Membangunkan KPI pengurusan tertinggi universiti;
4. Melaksanakan *Academic Performance Audit (APA)* dan audit kemudahan pengajaran dan pembelajaran;

5. Melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*);
6. Mempertingkatkan bilangan pensyarah berkelayakan PhD dan pengambilan pelajar pasca siswazah dan pasca doktoral;
7. Mempertingkatkan promosi di peringkat antarabangsa melalui kemampuan dan prestasi yang cemerlang oleh para pensyarah dan pelajarnya dalam aspek berikut:-
 - 7.1 penglibatan aktif dalam persidangan dan pertubuhan akademik antarabangsa;
 - 7.2 pelaksanaan sabbatical dan penempatan/*attachment* di universiti terkemuka dunia;
 - 7.3 penghantaran pelajar ke universiti terkemuka di bawah skim pertukaran pelajar dan *internship*; dan
 - 7.4 laman web yang menarik dengan pengisian yang terkini.

No: 38

SOALAN 38

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Dato' Sri Abdul Hadi bin Awang (Marang)

TARIKH : 3 MAC 2009

SOALAN : YB Dato' Sri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mengiktiraf Kerajaan Palestin pimpinan HAMAS yang telah dipilih oleh rakyatnya dalam satu pilihanraya yang bebas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Permatang Pauh, YB Marang, YB Baling dan YB Shah Alam di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan. Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh kelapan-lapan Ahli Parlimen ini iaitu, YB Permatang Pauh pada 32 Februari 2009, YB Marang pada 3 Mac 2009, YB Baling pada 11 Mac 2009 dan YB Shah Alam pada 19 Mac 2009 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama, iaitu mengenai pendirian Negara terhadap kumpulan Hamas.

2. Malaysia menyokong kerajaan semasa Palestin (*government of the day*), iaitu kerajaan *Palestinian Authority* yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas, seorang presiden yang telah dipilih oleh rakyat Palestin dalam satu pilihan raya presiden yang dianggap adil dan telus.

3. Dalam hal ini, Hamas dan Fatah hanya merupakan parti-parti politik yang menyumbang kepada pembentukan kerajaan Palestin yang sedang memerintah.

4. Walau bagaimanapun, Malaysia sering juga menekankan keperluan rakyat Palestin sendiri khususnya pihak Fatah dan Hamas,

untuk bersatu-padu dan mengelakkan sengketa di antara mereka agar dapat menumpukan perhatian terhadap mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat.

5. Untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia ini, kemenangan Hamas di dalam Pilihan Raya '*Palestinian Legislative Council*' (PLC) telah disambut baik oleh kepimpinan Malaysia, di mana kedua-dua Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.B. Menteri Luar Negeri ketika itu telah mengeluarkan kenyataan yang mengucapkan tahniah kepada Hamas ke atas kemenangan mereka yang mencerminkan kehendak dan kemahuan penduduk Palestin di dalam pilihan raya yang demokratik. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri turut menggesa masyarakat antarabangsa menerima keputusan pilihan raya tersebut kerana jika hasrat dan kepimpinan yang dipilih oleh penduduk Palestin tidak dihiraukan oleh masyarakat antarabangsa, tentunya penyelesaian konflik Israel-Palestin sukar dicapai.

6. Tambahan pula, Y.A.B. Perdana Menteri turut mengambil inisiatif segera bagi mengutus surat kepada ahli-ahli Kuartet (Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Rusia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) yang bertanggungjawab melaksanakan Pelan Damai (Roadmap) serta ahli-ahli tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menekankan kepentingan menerima kemenangan Hamas. Pada 20 Februari 2006 pula, seorang wakil Hamas, Dr. Azzam Tamimi, telah membuat kunjungan hormat ke atas kedua-dua Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.B. Menteri Luar Negeri. Dalam pertemuan-pertemuan tersebut, Malaysia telah

mengulangi ucapan tahniah kepada kepimpinan Hamas di atas kemenangan mereka. Pemimpin Biro Politik Hamas, iaitu Khaled Meshaal, juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia. Justeru, persoalan Malaysia tidak mengiktiraf kerajaan Hamas tidak wujud sama sekali, lebih-lebih lagi dengan usaha pucuk kepimpinan Malaysia memainkan peranan bagi menggesa masyarakat antarabangsa menerima kemenangan Hamas.

7. Malaysia tidak pernah menganggap pertubuhan Hamas sebagai pertubuhan pengganas, tetapi Malaysia sentiasa merujuk kepada Hamas sebagai kumpulan pejuang Palestin. Jika dilihat daripada usaha Malaysia di dalam arena diplomasi antarabangsa, dasar Malaysia sejak awal lagi adalah untuk mencari definisi *keganasan* atau *terrorisme* yang dapat diterima secara global yang mengecualikan kumpulan-kumpulan yang memperjuangkan kebebasan dari pendudukan asing. Ini merupakan salah satu usaha Malaysia bagi menyokong perjuangan Hamas dan mengasingkan Hamas daripada dikategorikan sebagai kumpulan pengganas supaya dapat diterima oleh masyarakat antarabangsa.

SULIT

NO SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED

TARIKH : 03 Mac 2009

SOALAN:

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia benar-benar berkualiti, berintegriti tinggi dan berkecuali dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

SULIT

SULIT

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyusun semula pemilihan dan latihan pegawai-pegawai bagi memastikan mereka benar-benar berkualiti dan berkualiti. Latihan yang dilaksanakan bukan sahaja diberikan kepada pegawai-pegawai yang baru dilantik tetapi juga pelbagai latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai sedia ada.

Bagi tujuan tersebut juga SPRM telah mewujudkan Bahagian Kecemerlangan dan Professionalisme yang bertanggungjawab menguatkuasakan segala bentuk arahan, pekeliling, peraturan dan undang-undang berkaitan penjagaan tatakelakuan, pematuhan tata tertib dan peningkatan integriti bagi meningkatkan keutuhan pengurusan dan menyokong pengukuhan organisasi.

Di samping itu juga selaras dengan kehendak peruntukkan Seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) sebuah Jawatankuasa Aduan telah ditubuhkan dan jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memantau pengendalian oleh Suruhanjaya akan aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai SPRM serta mengenai pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin akan menimbulkan aduan. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah
[Kota Bharu]**

TARIKH : 3 Mac 2009

SOALAN : Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengarahkan semua Ketua Jabatan Persekutuan di negeri-negeri Pakatan Rakyat memulaukan mesyuarat yang dipanggil oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan Persekutuan tidak memulaukan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat. Ketua-ketua jabatan Persekutuan hanya akan menghadiri mana-mana mesyuarat yang diperlukan sahaja. Malahan pegawai digalakkan untuk turut serta dalam majlis-majlis yang diadakan supaya hubungan yang baik dapat dikekalkan untuk pembangunan Negara.

Sehingga kini arahan tidak menghadiri mana-mana mesyuarat anjuran Kerajaan Negeri Pakatan Pembangkang hanya diguna pakai untuk Negeri Perak sahaja manakala bagi negeri-negeri Pakatan pembangkang yang lain terpulanglah kepada ketua-ketua Jabatan Persekutuan untuk mematuhi. Bagaimana pun bagi memastikan segala perancangan pembangunan yang telah di susun ataur oleh kerajaan Pusat untuk kepentingan rakyat semua agensi-agensi Kerajaan Persekutuan sentiasa member sokongan termasuklah kakitangan Perkhidmatan Gunasama yang terdapat di setiap negeri di Malaysia.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN
HAJI AZIZ (SRI GADING)
TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)
NO. SOALAN : 41

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ minta MENTERI
PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN menyatakan:

- (a) apakah kriteria atau syarat penubuhan Perpustakaan Desa di
sesuatu kawasan; dan
- (b) bagaimanakah pihak Kementerian menilai keberkesanan pengguna
Perpustakaan Desa di kalangan masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memperluaskan rangkaian
perkhidmatan perpustakaan ke seluruh negara khasnya di kawasan luar
bandar yang tiada kemudahan perpustakaan. Pembinaan perpustakaan desa
amat diperlukan oleh masyarakat luar bandar bagi memudahkan mereka

mengakses kepada sumber maklumat. Berdasarkan perancangan pembangunan perpustakaan desa melalui Perpustakaan Negara Malaysia, setiap kawasan Parlimen / Dewan Undangan Negeri (DUN) akan disediakan satu (1) unit perpustakaan desa samada dibina bangunan baru di lokasi/tapak yang sesuai atau menggunakan bangunan sedia ada. Bagi menubuhkan sesebuah perpustakaan desa di sesuatu kawasan, beberapa syarat atau kriteria akan diambilkira, antaranya adalah:

a. Tapak/Lokasi

- i. Terletak di kawasan luar bandar/pendalaman.
- ii. Tiada perkhidmatan perpustakaan/ ruang bacaan yang berdekatan dengan kawasan tersebut.
- iii. Jarak di antara satu kawasan Perpustakaan Desa dengan Perpustakaan Desa yang lain dianggarkan dalam lingkungan 5 kilometer radius.
- iv. Tanah hak milik Kerajaan Persekutuan atau mempunyai status wakaf.
- v. Keluasan tapak minimum 2,400 kaki persegi.
- vi. Terletak di kawasan yang selamat dan tidak berisiko menghadapi bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.
- vii. Saiz populasi penduduk yang boleh dipertimbangkan untuk pembinaan perpustakaan desa adalah minimum 500 orang.

b. **Bangunan**

Bangunan baru yang dibina untuk kegunaan perpustakaan desa mempunyai ruang lantai berkeluasan minimum 1,200 kaki persegi sehingga 1,600 kaki persegi (anggaran 30 - 40 orang dalam pada satu masa). Kos pembinaan bangunan tidak melebihi RM200,000.00.

Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia menilai keberkesanan penggunaan perpustakaan desa dengan menggunakan mekanisma berikut:

- a. **Pertambahan bilangan ahli perpustakaan desa setiap tahun.**
- b. **Jumlah pinjaman buku yang meningkat.**
- c. **Mengadakan Kajian Kempen Membaca di seluruh perpustakaan desa untuk mendapatkan maklum balas penilaian masyarakat mengenai perpustakaan desa.**
- d. **Bekerjasama dengan pihak sekolah rendah dan menengah berdekatan bagi menilai prestasi pencapaian prestasi melalui peperiksaan sebelum dan selepas perpustakaan desa dibina.**
- e. **Peratusan kadar celik IT masyarakat luar bandar meningkat.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 3 MAC 2009
RUJUKAN : 1536

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini pekerja asing yang sah dan yang tidak sah dalam negara dan nyatakan langkah yang diambil untuk menghantar pekerja-pekerja yang tidak sah kembali ke negara asal.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 3.3.2009

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Bukit Gelugor di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, jumlah pekerja asing yang sah di Malaysia adalah seramai **2,062,596 orang** manakala pekerja asing yang tidak sah atau PATI pula dianggarkan mencapai jumlah melebihi satu juta orang. Kerajaan tidak mempunyai jumlah sebenar PATI di Malaysia kerana mereka memasuki Malaysia secara tidak sah atau masuk secara sah tetapi tinggal lebih masa dan bekerja secara bersembunyi untuk mengelakkan daripada tindakan oleh Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia.

Dalam usaha untuk membendung masalah PATI, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan program penghantaran pulang PATI tanpa PATI tersebut di dakwa di mahkamah. Sehingga 22 Februari 2009, seramai **1,868 orang** PATI telah dihantar pulang ke negara asal. Program penghantaran pulang secara besar-besaran akan bermula pada pertengahan bulan Mac 2009. Disamping program penghantaran pulang PATI, Kerajaan juga telah mengambil tindakan-tindakan kawalan bagi mengatasi masalah PATI seperti berikut:-

- 1) Melaksanakan penguatkuasaan secara bersepadu antara Agensi Penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen, RELA dan PDRM secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warga asing yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan Imigresen;

- 2) Memperkenalkan Sistem Biometrik bagi merekodkan cap jari semua pekerja asing diambil sebelum mereka dibenarkan bekerja di negara ini;
- 3) Mengeluarkan 'i-card' untuk semua pelajar dan pekerja asing bagi memudahkan pihak penguatkuasa mengenal pasti pelajar dan pekerja asing yang sah;
- 4) Memastikan bahawa pelawat-pelawat asing ke negara ini mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang berada di negara ini; dan
- 5) Memperkenalkan *Malaysia Enforcement Immigration System* (MEIS) yang membolehkan penguatkuasa mengesahkan ketulenan dokumen perjalanan warga asing melalui semakan terus dengan pusat pangkalan data Jabatan Imigresen. Mekanisme ini memudahkan tugas-tugas penguatkuasa mengesan PATI selain membantu pelaksanaan operasi di lokasi-lokasi seperti tapak pembinaan dan kilang.

NO = 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ONG KA TING
(KULAI)
TARIKH : 03.03.2009
NO. SOALAN : 43

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan:-

- (a) perangkaan jumlah kes dan nilai penyeludupan barangan subsidi seperti petrol, minyak masak, tepung dari tahun 2004 sehingga 2008 dan
- (b) apakah stategi Kerajaan untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Dalam tempoh 4 tahun iaitu dari tahun 2004 hingga 2008, tindakan penguatkuasaan yang telah di jalankan bersama operasi penguatkuasaan lain telah menghasilkan sebanyak 991 kes melibatkan petrol dan diesel dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM1.3 juta. Sitaan ke atas minyak masak dengan nilai rampasan RM150,641.60 melalui 126 tindakan kes dan 11 kes melibatkan sitaan ke atas gula dengan nilai rampasan berjumlah RM6,399.

Beberapa langkah telah diambil dan dicadangkan bagi menangani masalah penyeludupan termasuk :

- i) menetapkan beberapa jenis barang-barang kawalan- sebagai barang yang dilarang eksport. KPDNHEP telah menetapkan diesel dan tepung gandum sebagai barang larangan eksport. Lain-lain barang kawalan adalah tertakluk kepada lain-lain agensi kerajaan. Pengeksportan dibenarkan hanya dengan kebenaran Pengawal Bekalan atau Agensi-Agensi Kerajaan berkaitan;
- ii) mewujudkan suatu kawasan khas yang ditentukan bagi aktiviti pengeksportan;
- iii) menjadikan Kawasan Bebas Cukai (Free Trade Zone) sebagai kawasan larangan mengeksport barang-barang;
- iv) melarang pembinaan bangunan di sepanjang Sungai Golok yang telah diwartakan sebagai kawasan rezab di bawah Jabatan Pengairan Sungai;
- v) mewujudkan zon penampian di kawasan-kawasan tertentu di sempadan;
- vi) mengadakan sekatan jalan raya bagi memudahkan pemeriksaan ke atas kenderaan yang disyaki membawa barang-barang kawalan terutama menuju ke kawasan sempadan;
- vii) mengkaji semula lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian di kawasan sempadan;
- viii) pindaan undang-undang termasuk Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi memperuntukkan kuasa yang lebih berkesan dari segi penguatkuasaan di kawasan sempadan termasuk kuasa memberhentikan kenderaan dan memeriksa kapal;

- ix) penglibatan dengan lebih menyeluruh dalam penugasan operasi maritim bersepadu yang diselaras oleh Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) di bawah Jabatan Perdana Menteri; dan
- x) mempertingkatkan kemahiran pegawai-pegawai dalam aspek pengendalian bot, pelayaran dan keselamatan di lautan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.03.2009

Tuan Tony Puan Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta **MENTERI KEWANGAN** kedudukan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan dana pengangkutan awam sebanyak RM35 bilion yang telah diumumkan sejak Jun tahun lalu. Senaraikan jumlah perbelanjaan daripada dana ini yang akan dibelanjakan mengikut projek pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam pada tahun 2009 dan 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman yang Berhormat, bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan awam, sejumlah RM35 bilion telah diperuntukkan dalam tempoh 2009 hingga 2014 bagi meningkatkan kapasiti perkhidmatan rel sedia ada, membina laluan rel baru, menambah bilangan bas serta menyediakan kemudahan infrastruktur berkaitan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM22.2 bilion diperuntukkan kepada Syarikat Prasarana

Negara Berhad (Prasarana) bagi pelaksanaan projek lanjutan Aliran Kelana Jaya dan juga Ampang, penambahan gerabak LRT Kelana Jaya, Aliran baru Kota Damansara, 200 unit bas Rapid Penang dan Terminal Pengangkutan Bersepadu. Di samping itu, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) diperuntukkan sebanyak RM800 juta bagi pembaikpulihan Electric Multiple Unit (EMU), pembelian EMU baru dan projek landasan berkembar Sentul - Batu Caves. Selain itu, sejumlah RM12 bilion adalah bagi projek landasan berkembar Ipoh – Padang Besar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI
SHUKRI (BATANG SADONG)**

TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)

Y.B Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan dasar Kerajaan untuk 30% wanita menduduki jawatan yang boleh membuat keputusan di sektor awam mahupun sektor swasta.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam semua peringkat pembuat keputusan terutama di sektor awam dan sektor swasta. Atas kesedaran peri pentingnya penglibatan wanita dalam peringkat pembuat keputusan dan penghargaan kepada wanita yang telah menyumbang kepada pembangunan negara, Y.A.B. Perdana Menteri mengumumkan dasar sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam pada bulan Ogos 2004.

Hasil daripada pelaksanaan dasar tersebut, beberapa kemajuan khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah dapat dilihat di mana bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 22.8% pada tahun 2008. Bilangan wanita yang memegang jawatan peringkat pengurusan

tertinggi di badan berkanun turut menunjukkan perkembangan yang baik di mana peratusan wanita terus meningkat daripada 17.8% pada tahun 2004 kepada 21.3% pada tahun 2008.

Trend yang positif ini juga dapat dilihat di sektor swasta di mana peratusan wanita di peringkat pembuat keputusan seperti Presiden, Naib Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Kanan telah meningkat daripada 13.5% pada tahun 2004 kepada 26.2% pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha yang diambil bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan ialah mengarusperdanakan gender di semua Kementerian dan agensi Kerajaan. Kementerian ingin memaklumkan bahawa Kerajaan mempunyai struktur yang komprehensif bagi mengarusperdanakan gender dalam proses pembangunan negara. Struktur tersebut termasuklah penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender yang

dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-menteri Kabinet. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan dasar, hala tuju dan memantau pelaksanaan program berkaitan kesaksamaan gender. Dengan penubuhan Jawatankuasa tersebut, isu kesaksamaan gender telah diletakkan sebagai satu agenda utama Kerajaan untuk memastikan segala peraturan dan dasar Kerajaan akan lebih sensitif kepada keseimbangan antara lelaki dan wanita termasuk di peringkat pembuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain mempunyai struktur yang komprehensif, usaha meningkatkan kepekaan gender di kalangan pihak pengurusan tertinggi juga terus dipergiatkan. Ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan. Sesungguhnya penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dapat memastikan perspektif gender diambil kira dalam penggubalan dasar dan perundangan serta perancangan dan pelaksanaan program.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mempercepatkan pencapaian sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan, KPWKM merangka Pelan Tindakan Ke Arah Mencapai Sekurang-kurangnya 30% Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan. Pelan Tindakan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil oleh setiap agensi pelaksana bagi menggalakkan penyertaan wanita terutama dalam sektor awam dan sektor swasta. Matlamat jangka panjang Pelan Tindakan ini ialah untuk memastikan penyusunan semula pentadbiran dan perubahan institusi dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan ke arah mencapai kesaksamaan gender.

NO : 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]
TARIKH JAWAPAN : 3 MAC 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 46

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan tahap penggunaan dana Perkhidmatan Pemberian Sejagat (Universal Service Provision, USF) yang dikelola oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi membiayai pelaksanaan projek-projek USP, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mewujudkan Kumpulan Wang USP (Dana USP) untuk tujuan kutipan, sumbangan, dan pembayaran ke atas projek-projek USP. Dana USP telah ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 204, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).

Sepanjang tempoh 2003-2008 sejumlah RM785.8 juta telah diluluskan bagi membiayai projek-projek USP seperti berikut:

- a) Pusat Jalurlebar Komuniti (PJK);
- b) Perpustakaan Jalur Lebar (PJL);
- c) Perluasan liputan populasi perkhidmatan selular awam di sepanjang Lebuhraya Timur – Barat; dan
- d) Penyediaan Telefoni Asas ke kawasan luar bandar dan pedalaman di 89 daerah USP.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO
(HULU RAJANG)
TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)
SOALAN :

DATUK BILLY ABIT JOO (HULU RAJANG) MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BERIKUTAN JALAN RAYA KE KAWASAN PENEMPATAN SEMULA BAKUN ADALAH DALAM KEADAAN YANG KURANG MEMUASKAN DAN SANGAT MEMBAHAYAKAN. UNTUK PENGGUNA-PENGGUNA JALAN TERSEBUT, TERUTAMANYA AKIBAT LUBANG-LUBANG BESAR DAN DALAM YANG TERDAPAT

DI JALAN RAYA INI, PIHAK MANAKAH YANG
SEPATUTNYA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK
MENYELENGGARA JALAN INI DAN MENGAPAKAH JALAN
INI TIDAK DISELENGGARA.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
JALAN RAYA KE KAWASAN PENEMPATAN BAKUN
MERUPAKAN JALAN PERSEKUTUAN BERNOMBOR 800,
YANG MANA JALAN INI DISENGGARA DAN DIURUS
OLEH KEMENTERIAN KERJA RAYA.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
PIHAK KEMENTERIAN SENTIASA MEMASTIKAN KERJA-
KERJA PENYENGGARAAN INI DIBUAT,
WALAU BAGAIMANAPUN, FAKTOR KENDERAAN
MELEBIHI HAD MUATAN REKABENTUK YANG
MENGUNAKAN JALAN INI JUGA MENJADI PUNCA
UTAMA KENAPA JALAN INI SERING ROSAK. FAKTOR
CUACA YANG MENGALAMI HUJAN LEBAT TANPA
MENGIRA MUSIM JUGA MENJADI ANTARA PENYEBAB
JALAN INI MAKIN ROSAK TERUK.**

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT JUGA, PIHAK KEMENTERIAN TELAH MAKLUM DAN TELAH MEMBUAT LAWATAN KE JALAN TERSEBUT DAN PIHAK KEMENTERIAN JUGA TELAH MENGARAHKAN KONSESI YANG BERKENAAN UNTUK MEMBAIKI JALAN TERSEBUT. PIHAK KEMENTERIAN SENTIASA MEMASTIKAN TAHAP KUALITI PENYENGGARAAN DI SEMUA JALAN PERSEKUTUAN SELURUH MALAYSIA DISENGGARA MENGIKUT SPESIFIKASI YANG TELAH DITETAPKAN DI DALAM SYARAT PERJANJIAN DILAKSANAKAN OLEH SYARIKAT KONSESI. SEKIRANYA KERJA-KERJA YANG DIBUAT OLEH PIHAK SYARIKAT KONSESI TIDAK MEMUASKAN, PIHAK KONSESI PERLU MEMBAIKI SEMULA TANPA SEBARANG BAYARAN TAMBAHAN.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
PADA TAHUN 2008, PIHAK KEMENTERIAN JUGA TELAH MELULUSKAN PERUNTUKAN SEBANYAK RM6 JUTA DI

BAWAH PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS DAN PADA TAHUN 2009 SEBANYAK RM4 JUTA TELAH DIPERUNTUKKAN BAGI MEMBAIKI KEROSAKAN DI LOKASI-LOKASI YANG TELAH DIKENALPASTI DI JALAN TERSEBUT.

SULIT

NO SOALAN : 48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

**TARIKH : 3 MAC 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengenai syarikat manakah yang mendapat kontrak membekalkan makanan (makanan halal) dan kelengkapan kepada Tentera Malaysia di luar negara (MALBAT).

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Makanan yang dibekalkan kepada anggota tentera di Luar Negara (MALBAT) adalah melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan tiada syarikat dari negara ini yang dilantik bagi membekalkan makanan tersebut. Semua makanan akan dimasak oleh tukang masak ATM dan makanan yang dibekalkan adalah halal.

Berkaitan dengan syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembekalan peralatan kepada anggota ATM di luar negara adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Syarikat	Peralatan	Nilai Kontrak (RM)
1.	Harristan Industries	<i>Sun Glass</i>	144,000.00
2.	Shafleena Ventures	<i>Land Op Goggle NATO</i>	182,000.00
3.	Pakaian KESUMA	Beg Hitam	182,500.00

Bil.	Nama Syarikat	Peralatan	Nilai Kontrak (RM)
4.	Masters Builders	<i>Mobile Refrigeration System</i>	278,000.00
5.	Pasar Raya GM	<i>Torch Light</i>	6,000.00
6.	Satang Jaya	<i>Gas Mask</i>	407,472.00
7.	MMC Defence	<i>Sniper Rifle 7.62mm</i>	194,785.00
8.	Akopal Marketing	<i>Personel Integrated PIPS</i>	4,237,908.00
9.	Inmega Corporation	<i>CRT Entry Tools</i>	91,000.00
10.	Delta Masis	<i>Climbing Equipment</i>	550,000.00
11.	Fitrah Niaga	<i>Generator 5 KVA / Blanket</i>	98,710.00
12.	Jentayu Ventures	<i>Generator 60 KVA / PA System</i>	1,365,550.00
13.	Dataran Sateria	<i>Leather Glove / Kasut</i>	212,000.00
14.	Wasilah Holding	<i>Mobile Field Kitchen</i>	468,000.00
15.	SAS Aviation	<i>Jacket Trousers Waterproof</i>	182,000.00

Bil.	Nama Syarikat	Peralatan	Nilai Kontrak (RM)
16.	Gabungan Koperasi Pembangunan Kg. Keda	<i>Sleeping Bag</i>	156,000.00
17.	Koperasi Pekebun Kecil Daerah Besut / Setiu	<i>Long John</i>	97,600.00
18.	SAS P.I.E	<i>Norwegian Shirt / Body Vest</i>	118,000.00
19.	RN Extra	<i>Overall</i>	31,000.00
20.	Pakaian Saling Erti	<i>Baju / Seluar Waterproof</i>	667,200.00
21.	Persada Klasik	<i>Sport Shoes</i>	51,200.00
22.	Major Resources	<i>Summer Cap</i>	9,600.00
23.	PROMEEO	<i>Inner Vest Desert</i>	18,000.00
24.	Wira Global Resources	<i>Desert Boot</i>	156,000.00
25.	System Canvas	Kanopi 180 lbs	15,600.00
26.	Mutiara Teknologi	<i>Walkie Talkie</i>	81,200.00
27.	Tiara Communication	<i>Assault Radio</i>	635,250.00
28.	Letrakom	<i>Rescue Beacon</i>	37,800.00
29.	Sri Jentayu Ventures	<i>Personel Role Radio</i>	232,188.00

NW:49

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : . . . PERTANYAAN JAWAB LISAN . . .
Daripada : Dato' Dr. James Dawos Mamit
[Mambong]
Tarikh Menjawab : 3 Mac 2009 [Selasa]
Soalan : [No. 28] 49

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan jumlah eksport minyak sawit mentah (CPO) pada tahun 2006, 2007 dan 2008 dan nyatakan negara-negara asing yang mengimport CPO tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah eksport CPO bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah sebanyak 2.38, 1.94 dan 2.34 juta tan masing-masing.

Pada tahun 2008, sebanyak 13 buah negara telah mengimport CPO dari Malaysia. Negara-negara berkenaan adalah Kesatuan Eropah, India, Pakistan, Republik Rakyat China, Tanzania, Bangladesh, Jepun, Mesir, Sri Lanka, Vietnam dan Ukraine.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ZAHRAIN MOHAMED
HASHIM [BAYAN BARU]

TARIKH : 3 MAC 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH
USAHA KERAJAAN DALAM MENYAMBUNG SEMULA
PROJEK LEBUH RAYA TELUK KUMBAR- BALIK PULAU
YANG TERBENGKALAI

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
PEMBINAAN JALAN TELUK KUMBAR-BALIK PULAU
TERSEBUT TERGENDALA DISEBABKAN OLEH
KONTRAKTOR ASAL PROJEK TELAH MEMOHON
SUPAYA DIBUAT PENAMATAN SECARA PERSETUJUAN
BERSAMA PADA 8 OKTOBER 2008.**

**SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KEMENTERIAN KERJA
RAYA TELAHPUN MENJALAN PROSES TENDER
SEMULA BAGI PROJEK TERSEBUT PADA 30 OKTOBER
2008.**

**KEDUDUKAN TERKINI PROSES TENDER TERSEBUT
IALAH DIPERINGKAT URUSETIA LEMBAGA TENDER
DAN DIJANGKAKAN TAWARAN SEMULA KEPADA
KONTRAKTOR BARU YANG BERJAYA IALAH PADA
MAC 2009.**

BAGI MENJAMIN KESELAMATAN PENGGUNA YANG MELALUI JALAN TERSEBUT, KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH PUN MELANTIK PIHAK KETIGA BAGI MENJALANKAN KERJA-KERJA PENGURUSAN TRAFIK DITAPAK SEHINGGALAH TAWARAN SEMULA KEPADA PIHAK KONTRAKTOR BARU DIBUAT.

NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA BIN HAJI HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 3 MAC 2009

SOALAN : 35

**Datuk Wira Bln Haji Hamzah [Jasin] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan sejauh mana penekanan pemakaian
tali pinggang keledar belakang benar-benar serius kerana
masyarakat kita hari ini masih mengabaikannya walaupun pelbagai
kempen serta saman sudah dilaksanakan.**

JAWAPAN

Tuan yang dipertua

Penguatkuasaan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2009. Sebagai usaha untuk memberi kesedaran tentang kepentingan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang, Kementerian ini telah mengadakan kempen advokasi selama enam bulan mulai 1 Jun 2008 sehingga 31 Disember 2008.

Walaupun tempoh kempen advokasi pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang telah berakhir pada 31 Disember 2008, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya masih meneruskan kempen advokasi melalui media massa manakala pihak JPJ dan Polis meneruskan penguatkuasaan bagi memastikan pemandu dan penumpang mematuhi peraturan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 17 Februari 2009, sebanyak 7,896 saman JPJ dan 221 saman Polis telah dikeluarkan terhadap penumpang yang gagal memakai tali pinggang keledar di tempat duduk belakang. Ini menunjukkan Kerajaan amat serius dalam melaksanakan peraturan ini untuk mengurangkan kadar kematian dan kecederaan bagi penumpang belakang.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap kadar pematuhan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang mulai 1 Januari 2009 sehingga 15 Februari 2009, mendapati bahawa kadar pematuhan meningkat daripada 6.2% kepada 47.5% dalam tempoh 45 hari. Ini bermakna telah ada kesedaran di kalangan masyarakat tentang kepentingan penggunaan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang. Pihak MIROS juga mensasarkan bahawa kadar pematuhan peraturan ini boleh mencapai 70% pada akhir tahun 2009 dan 85% pada tahun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff
[Rantau Panjang]
TARIKH : 3 Mac 2009
SOALAN : Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes kegagalan suami memberi nafkah dan menyatakan usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan dalam memberi kesedaran tanggungjawab kepada para suami.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Berdasarkan kepada kes yang difailkan di Mahkamah Syariah jumlah kes kegagalan suami member nafkah dapat di katogerikan kepada:

1. Tuntutan Nafkah Isteri
2. Tuntutan Nafkah Anak
3. Tuntutan Nafkah Anak, Isteri/ lain-lain
4. Oermohonan Pelaksanaan Perintah Mahkamah
5. Permohonan Penguatkuasaan Perintah Nafkah

NO SOALAN: 52

Bagi tahun 2008 jumlah baki kes tahun sebelum yang dibawa ke tahun 2008 ialah sebanyak 4212. Jumlah kes daftar 2519, jumlah kes selesai (baki sebelum) 1318. Manakala jumlah selesai (daftar) 1113. Jumlah selesai keseluruhan ialah 2431 dan jumlah kes dalam posiding 4300.

Usaha kerajaan dalam memberikan kesedaran tanggungjawab kepada para suami antara lain ialah dengan mengadakan program kesedaran melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia iaitu Program mahabbah JKSM bersama masyarakat. Pengisian program ini melibatkan forum, pembentangan kertas kerja dan penyediaan kaunter-kaunter terbuka bagi memberikan kesedaran hak undang-undang kepada semua golongan masyarakat. Program ini dilaksanakan di seluruh negara.

Bahagian Sokongan keluarga di bawah JKSM juga telah memainkan peranan yang aktif dalam menyedarkan masyarakat tentang kewajiban membayar nafkah. Bahagian ini akan bertindak sebagai bahagian yang akan memastikan semua perintah Mahkamah Syariah yang berkaitan nafkah dipatuhi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NW-53

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGANG]

TARIKH JAWAPAN : 3 MAC 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 53

SOALAN

Tuan Liang Teck Meng minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan:-

- (a) strategi-strategi yang diambil oleh TNB untuk menghadapi cabaran harga bahan api global yang tidak menentu; dan
- (b) langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan pengguna tidak perlu menanggung tarif yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kerajaan sentiasa peka akan keadaan ketidaktentuan harga bahan api global yang mana turut memberi kesan kepada sektor penjanaan elektrik negara di mana gas (64%) dan arang batu (28%) merupakan bahan api utama penjanaan elektrik negara. Oleh itu, pihak Kerajaan telah merangka strategi yang pertama iaitu mempelbagaikan sumber penjanaan elektrik ke arah menghasilkan campuran penjanaan yang optimum di samping memastikan *energy security*, dengan izin terjamin.

Antara usaha yang dikenal pasti bagi melaksanakan strategi tersebut ialah dengan membangunkan sumber hidro serta meneliti opsyen tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik khususnya bagi tempoh jangka masa panjang. Di samping itu, usaha untuk memastikan sumber penjanaan elektrik sedia ada khususnya arang batu turut dititik beratkan iaitu dengan mempelbagaikan sumber perolehan arang batu iaitu secara kontrak jangka panjang, jangka pendek serta secara *spot market*, dengan izin.

Sementara itu, strategi kedua yang dirangka oleh pihak Kerajaan pula ialah peralihan secara beransur-ansur kepada mekanisme harga pasaran dalam penentuan harga tenaga seperti mana yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Pelaksanaan strategi ini akan lebih mencerminkan keadaan sebenar serta memaparkan lagi penggunaan tenaga sekali gus dapat membantu mengatasi cabaran ketidaktentuan harga bahan api global.

Justeru, sebagai langkah jangka pendek bagi memastikan tarif elektrik yang berpatutan kepada pengguna, pihak Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan memberikan pengecualian pembayaran bil elektrik bagi pengguna-pengguna yang bil elektriknya berjumlah RM20 ke bawah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2008. Selain itu, pihak Kerajaan turut mengekalkan tarif pada kadar 21.8 sen/kWj kepada pengguna-pengguna domestik yang tergolong dalam *life-line band*, dengan izin sejak tahun 1998 dalam usaha pihak Kerajaan untuk memastikan pengguna-pengguna tersebut tidak dibebani dengan tarif elektrik yang tinggi.

Bagi langkah jangka masa panjang pula, pihak Kerajaan juga berhasrat supaya penetapan tarif elektrik dibuat berdasarkan harga pasaran iaitu mengambil kira perubahan dalam harga bahan api. Langkah ini adalah selaras dengan strategi yang kedua yang saya jelaskan sebentar tadi namun ia tidak dibuat secara mendadak malah akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

NO = 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN : BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA : Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]

TARIKH : 03 Mac 2009 (SELASA)

SOALAN : ~~59~~

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kekerapan masalah 'off line' di JPJ menjejaskan perkhidmatannya dan nyatakan apakah bentuk 'back up' yang sedia ada agar urusan sentiasa lancar di Jabatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kejadian *off-line* sistem komputer di JPJ pada umumnya tidak serius. Kejadian *off-line* ini berlaku kerana sistem yang digunakan oleh JPJ pada asasnya merupakan sistem yang telah dibangunkan pada tahun 1992 lagi. Dengan penambahan urusan niaga berikutan dengan penambahan bilangan kenderaan dan pemandu, serta pelbagai inisiatif baru perkhidmatan secara *on-line*, teknologi sistem komputer JPJ tidak lagi dapat menampung beban kerja dan ini telah menyebabkan berlakunya kejadian *off-line*. Walaupun berlaku 'off line', ia tidak menjejaskan perkhidmatan JPJ kerana JPJ mempunyai 'back up' yang dapat mengambil alih sistem operasinya.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat 77 buah Pejabat dan Cawangan JPJ di seluruh negara. Setiap Pejabat dan Cawangan JPJ mempunyai backup server yang akan mengambil alih operasi sekiranya server utama bermasalah. Di samping itu, pihak JPJ juga mempunyai 'backup-site', sekiranya berlaku bencana terhadap pangkalan data dan Sistem Komputer Utama di Ibu Pejabat JPJ.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
[LEDANG]

TARIKH : 3 MAC 2009

SOALAN :

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimana Kerajaan boleh menyelaraskan dan memastikan kehendak dan keperluan daripada Laporan EIA sama ada dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan oleh PBT, perunding, pemaju dan lain-lain dipatuhi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya telah mengambil berbagai langkah untuk memastikan keberkesanan prosedur EIA dan syarat-syarat kelulusan EIA di patuhi oleh pemaju projek. Semua pihak perlu memberi perhatian serius semasa peringkat pelaksanaan projek, termasuk lah pemaju projek, pihak yang meluluskan projek seperti pihak berkuasa tempatan atau agensi-agensi Kerajaan yang melaksanakan projek.

Laporan EIA yang diluluskan dengan syarat-syarat pelaksanaan hendaklah dijadikan sebahagian dari syarat kelulusan projek oleh pihak yang meluluskan projek sama ada pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri masing-masing. Pelan Pengurusan Alam Sekitar juga hendaklah disediakan oleh pemaju untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar supaya perancangan dan pelan tindakan yang baik disediakan bagi memastikan aspek kawalan alam sekitar yang berkesan diambil oleh pemaju.

Undang-undang telah sedia ada di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan lain-lain perundangan berkaitan alam sekitar untuk dikuatkuasakan. Jabatan Alam Sekitar juga mempertingkatkan penguatkuasaan projek-projek EIA dan semua ketidak patuhan akan diambil tindakan undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 3 MAC 2009
SOALAN :**

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada sebuah klinik baru akan dibuka atau yang sedia ada akan dipindah daripada lokasi yang kini terletak di atas bukit sebab ia tidak ada pengangkutan awam ke situ.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ingin mendapatkan penjelasan lanjut berhubung kedudukan klinik yang dimaksudkan oleh YB Selayang supaya jawapan yang khusus boleh diberikan.

SULIT

SOALAN NO: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]
TARIKH : 3 MAC 2009
RUJUKAN : 1539

PERTANYAAN :

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan :-

(a) berapakah jumlah kelahiran yang telah didaftarkan di Malaysia sejak tahun 2000 dan pecahannya mengikut negeri-negeri lain; dan

(b) bagi negeri Sabah, berapakah jumlah kelahiran yang didaftarkan dalam tempoh yang sama serta pecahan menurut kaum.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kelahiran yang telah didaftarkan di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2008 adalah sebanyak **empat juta, empat ratus tiga puluh enam ribu, tujuh ratus lima (4,436,705) orang** dengan pecahan mengikut negeri seperti berikut:-

Perlis seramai **39,767** orang; Kedah **322,624**;

Pulau Pinang **227,636**; Perak **371,846**;

Selangor **644,323**;

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur **387,865**;

Wilayah Persekutuan Putrajaya **31,618**;

Negeri Sembilan **161,361**; Melaka **131,919**;

Johor **535,644** ;

Pahang **241,300**; Terengganu **196,686**; Kelantan **334,902**;

Wilayah Persekutuan Labuan **12,521**;

dan Sarawak seramai **385,315** orang;

Bagi negeri Sabah pula, dalam tempoh yang sama, sebanyak **411,378** kelahiran telah didaftarkan dengan pecahan mengikut kaum seperti berikut:-

Bajau 73,889; Dusun 48,925; Kadazan 38,686;
Bugis 32,134; Cina 26,328; Murut 17,950;
Melayu 17,129; Sungai 15,120; Suluk 12,613;
Rungus 9,027; Jawa 5,700; Bisaya 5,547;
Tidung 4,890; Banjar 3,162; Irranun 2,925;
Iban 2,725; Kedayan 2,488; India 1,433; Lundayeh 1,398;
dan lain-lain kaum seramai **89,309** orang.

NA: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
(BALIK PULAU)
TARIKH : 03. 03. 2009
NO. SOALAN : 58

TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan permasalahan cetak rompak dan perancangan Kerajaan untuk menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Faktor-faktor yang masih menjadi permasalahan dalam cetak rompak antaranya adalah seperti berikut:-

- i) wujudnya permintaan yang tinggi daripada pembeli;
- ii) CD/VCD/DVD cetak rompak ditawarkan atau dijual dengan harga yang terlalu murah dan mampu dibeli oleh semua lapisan masyarakat.

- iii) polycarbonate iaitu bahan asas untuk pembuatan CD kosong sangat mudah diperolehi dengan kos yang murah;
- iv) pengeluaran secara besar-besaran dalam masa yang singkat oleh pengusaha persendirian secara haram menyebabkan CD/VCD/DVD cetak rompak membanjiri pasaran;
- v) kurang kerjasama yang diberikan oleh orang ramai bagi melaporkan perkara ini kepada pihak penguatkuasaan.

Usaha membanteras kegiatan cetak rompak masih dijalankan secara berterusan oleh Kerajaan. Antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani permasalahan ini adalah seperti berikut:-

- i) meningkatkan operasi pemeriksaan secara berhemah dan telus seperti di premis-premis perniagaan, pusat-pusat membeli belah, pasar-pasar terbuka, cybercafe dan di kilang-kilang cakera optik. Tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan sekiranya pihak Kementerian menerima aduan daripada mana-mana wakil atau pemilik hakcipta terhadap tuntutan karya hakmilik yang diadukan;
- ii) meningkatkan aktiviti risikan bagi mengesan pengilangan haram cakera optik yang melibatkan kilang cakera optik berlesen dan kilang haram;
- iii) meningkatkan kerjasama antara agensi melalui tindakan bersepadu di bawah Pasukan Petugas Khas Membanteras Cetak Rompak;

iv) penubuhan Mahkamah Harta Intelek yang mula beroperasi sejak 6 Jun 2007 telah mempercepatkan proses pendakwaan ke atas pihak-pihak yang disyaki terlibat dalam kegiatan ini;

v) mengadakan kempen-kempen kesedaran bagi mendidik pengguna supaya menghargai harta intelek dengan tidak melanggan atau membeli bahan-bahan cetak rompak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

**Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:-**

- a) mengapakah terdapatnya jurang perbezaan bantuan kewangan yang disalurkan kepada penerima bantuan dari Negeri Sarawak jika dibandingkan dengan penerima daripada Semenanjung oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini daripada berlarutan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat dua jenis bantuan kebajikan iaitu Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan yang pembiayaannya oleh Kerajaan Persekutuan dan Skim Bantuan Am yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Kedua-dua ini terpakai kepada semua negeri. Bagi Skim Bantuan Am, kadar dan syarat kelayakan ditentukan oleh Kerajaan Negeri dan dengan demikian wujud jurang perbezaan kadar bantuan dan syarat-syarat bantuan termasuk di Sarawak. Sebelum 1 Januari 2009, hanya terdapat dua skim bantuan Kebajikan Persekutuan yang diterima pakai oleh negeri Sarawak manakala yang lain kekal di bawah Kerajaan Negeri.
- (b) Bagi mengatasi jurang perbezaan bantuan kewangan antara Negeri Sarawak dengan Semenanjung, KPWKM telah mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri Sarawak untuk

memperluaskan Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan mulai 1 Januari 2009. Perluasan ini melibatkan sebanyak empat Skim Bantuan Persekutuan iaitu Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua, Bantuan Anak Pelihara dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja diterima oleh Negeri Sarawak. Ini merupakan tambahan kepada dua Skim Bantuan Persekutuan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC) pada tahun 2002 dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar pada tahun 2008. Peruntukan kewangan bagi skim bantuan tersebut akan menggunakan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan dengan demikian jurang perbezaan bantuan kewangan bagi enam skim yang disebutkan tidak lagi timbul.

Namun begitu, perbezaan kadar antara negeri-negeri akan terus timbul berkaitan Bantuan Am.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]
TARIKH : 3 MAC 2009
RUJUKAN : 1540

SOALAN :

**Tuan Manogaran A/L Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) pada 23 Disember 2008, seorang tahanan polis bernama Prabakaran telah dituang air panas ke atas badannya serta diikat kain pada lehernya dan berdiri di atas kerusi dan diancam akan dibunuh oleh 11 orang anggota polis di Balai Polis Brickfields Kuala Lumpur. Apakah tindakan Kementerian terhadap 11 orang anggota polis ini (selain dari tuduhan 7 orang anggota di Mahkamah); dan
- (b) berapakah angka kematian penahanan polis (death in police custody) sejak sepuluh tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, siasatan awal ke atas kes Prabakaran adalah menjurus kepada 11 orang anggota polis yang melaksanakan tangkapan dan membuat soal siasat. Kertas siasatan tersebut telah dikemukakan kepada Peguam Negara dan arahan yang diterima ialah menuduh 7 orang anggota yang terlibat manakala 4 yang lain didapati tidak terlibat dalam kes ini.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes kematian dalam tahanan polis bagi tahun 1999 hingga 2008 ialah sebanyak 153 kes. Purata kematian yang dicatatkan bagi tempoh 10 tahun ialah kira-kira 15 kes setahun. Walaubagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa berdasarkan kepada kajian ke atas kes-kes kematian dalam lokap, masalah kesihatan menjadi faktor utama penyebab kepada kematian. Selain itu, terdapat juga kes atau kejadian bunuh diri di kalangan orang tahanan dan juga jenayah kekerasan seperti pergaduhan di antara tahanan-tahanan lain sehingga menyebabkan kematian.

Setiap kematian dalam lokap akan disiasat dan seterusnya kertas siasatan tersebut akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dengan syor supaya kertas siasatan tersebut dirujuk kepada Majistret bagi menjalankan inkues (inquest).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN
[BESUT]
TARIKH : 3 MAC 2009
SOALAN :

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab-sebab kenapa Dewan Bedah Hospital Daerah Besut tidak dapat beroperasi hingga kini, walaupun sudah disiapkan sejak tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembangunan Dewan Bedah Hospital Besut lengkap dengan peralatan *standard* telah dimulakan pada 5 Jun 2001 dan telah tamat pada 27 September 2003. Walau bagaimanapun, pembinaan Dewan Bedah ini tidak menepati spesifikasi piawaian pembinaan bagi beberapa komponen. Komponen mekanikal bagi dewan bedah juga telah mengalami kerosakan.

Pembaikan kecacatan dan kerosakan telah dilaksanakan sehingga tahun 2006 dimana pemeriksaan *testing* dan *commissioning* bagi komponen peralatan mekanikal telah dilaksanakan pada tahun 2007. Ini disusuli dengan ujian dan penambahbaikan. Ujian yang ketiga yang dilakukan pada 10 Disember 2008 hanya meluluskan sebuah dewan bedah sahaja dari dua buah dewan bedah yang telah dibina. Ujian kepada Dewan Bedah dua akan dilaksanakan pada bulan Februari setelah kerja-kerja pembaikan dilaksanakan.

NW = 62

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
PARLIMEN KEDUA BELAS (2009) DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM KIT SIANG**

TARIKH : **3 MAC 2009**

SOALAN : **TUAN LIM KIT SIANG (Ipoh Timur) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan inisiatif yang diambil oleh beliau di ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membantu memulihkan pendemokrasian serta perdamaian di Myanmar**

JAWAPAN UNTUK SOALAN DARIPADA TUAN LIM KIT SIANG (Ipoh Timur)

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Malaysia akan terus memberikan sokongan kepada Kerajaan Myanmar dalam usahanya untuk memulihkan pendemokrasian serta perdamaian di negara tersebut. Ini selaras dengan pendekatan yang diambil oleh ASEAN ke atas Myanmar melalui, dengan izin, *constructive engagement*. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain juga sentiasa memberikan sokongan penuh kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memujuk Kerajaan Myanmar untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membawa demokrasi ke negara tersebut. Usaha ini dilakukan melalui Wakil Khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar, Dr. Ibrahim Gambari.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE
(TENGGARA)**

TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE (TENGGARA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme pemantauan yang digunakan oleh beliau di dalam memastikan Rancangan Tempatan Daerah akan menjadi landasan pelaksanaan pembangunan terancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat mengambil berat berhubung pelaksanaan Rancangan Tempatan yang telah disediakan bagi setiap kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di Semenanjung Malaysia.

Untuk memastikan Rancangan Tempatan yang disediakan dilaksanakan, KPKT sentiasa memantau proses pemantauan Rancangan Tempatan yang disediakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri. Status pemantauan Rancangan Tempatan merupakan salah satu pelaporan yang dilaporkan secara berkala pada Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara.

Di antara langkah yang sedang dan akan diusahakan bagi memastikan Rancangan Tempatan menjadi landasan

pelaksanaan pembangunan terancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah :

1. Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pemantauan Rancangan Tempatan Di Peringkat Persekutuan Dan Di Peringkat Negeri.
2. Mewujudkan satu sistem pemantauan maklumat perancangan (database monitoring system) yang akan digunapakai di peringkat PBT untuk memastikan perancangan yang dilaksanakan di PBT berlandaskan Rancangan Tempatan.

Bagaimanapun keberkesanan sistem pemantauan adalah sangat bergantung kepada sokongan di peringkat negeri dan di PBT sendiri. Ini adalah disebabkan sumber maklumat perancangan dan pelaksanaan hanya diperolehi dari PBT dan agensi berkaitan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Mac 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]
TARIKH : 3 MAC 2009
SOALAN :

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah impak kesihatan yang telah dicapai oleh Lembaga Promosi Kesihatan setelah sekian lama ditubuhkan dengan dana jutaan ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang baru ditubuhkan pada 1 April 2007. Ia mula beroperasi sepenuhnya apabila kesemua jawatan utama dan jawatan pengurusan telah diisi pada 1 April 2008. Sebagai sebuah organisasi yang baru, LPKM sedang dalam usaha memantapkan lagi pengurusan organisasi LPKM dengan menyediakan perancangan strategik supaya perjalanan aktiviti adalah mengikut hala tuju yang ditetapkan.

Sehingga kini, LPKM dengan kerjasama pertubuhan badan bukan Kerajaan (NGO) telah dan sedang mengadakan sejumlah 31 projek promosi kesihatan dikalangan rakyat di seluruh negara yang bernilai RM3,008,870. Dijangkakan pada tahun 2009, lebih banyak lagi projek promosi akan di jalankan diserata negara. Untuk makluman, LPKM telah merangka beberapa aktiviti yang dinamik untuk dilaksanakan oleh pertubuhan badan bukan Kerajaan. Antara pelan yang digubal adalah meliputi program empat bulan yang merangkumi beberapa ceramah mengenai cara hidup sihat dan aktiviti latihan fizikal secara mingguan yang meliputi semua lapisan masyarakat. Diharapkan dengan adanya program seperti ini secara berterusan diseluruh negara ia mampu membawa rakyat untuk menukar cara hidup mereka daripada yang tidak sihat kepada yang lebih sihat secara beransur-ansur dan seterusnya akan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan LPKM adalah organisasi baru, program yang dijalankan juga masih baru, maka pada masa ini agak sukar untuk menyatakan impak kesihatan yang dapat dicapai sehingga kini. Pada masa ini, LPKM sedang menilai beberapa aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan bukan kerajaan melalui pemberian geran promosi ini bagi melihat impak terhadap kesihatan peserta yang mengikuti aktiviti berkenaan. Kajian impak ini tidak boleh diukur dalam jangka masa yang singkat. Perubahan-perubahan kepada tahap kesihatan individu hanya dapat dilihat sekurang-kurangnya selepas empat bulan

mereka mengikut aktiviti yang dirangka oleh LPKM secara sepenuhnya dan kajian impak ini akan diumumkan setelah ianya selesai.

Selain itu masyarakat juga boleh melihat impak terhadap keberkesanan sesuatu aktiviti yang dilaksanakan apabila peratusan rakyat yang melakukan aktiviti fizikal atau menggunakan tapak-tapak senaman dan kemudahan-kemudahan gimnasium semakin meningkat, pengurangan kes penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, lemah jantung, obesiti dan lain-lain. LPKM sememangnya akan berusaha secara bersungguh-sungguh bagi memastikan tahap kesedaran masyarakat serta kepentingan cara hidup sihat dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat mengurangkan gejala penyakit-penyakit kronik tersebut dengan amalan cara hidup yang lebih sihat. LPKM yakin usaha ini akan berjaya sepertimana yang telah dibuktikan oleh negara-negara yang mempunyai Institusi Promosi Kesihatan seperti negara Thailand, Singapura, Australia, Austria dan lain-lain.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED (TUARAN)
TARIKH : 03.03.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa sudah wujud satu sekolah tadika dan rendah Kadazan dusun di Sabah. Adakah Kementerian mahu membantu sekolah tersebut seperti bantuan kepada sekolah Cina dan Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pembukaan kelas prasekolah adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak mengenai pendidikan awal sebelum memasuki Tahun 1. Oleh yang demikian, dari segi kurikulum, Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan semua agensi pelaksana program prasekolah wajib menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan telah pun terlaksana mulai tahun 2003.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum bercadang untuk menubuhkan prasekolah Kadazan Dusun di Sabah.

NW-66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR LEE BOON CHYE
(GOPENG)
TARIKH : 03. 03. 2009
NO. SOALAN : 66

DR LEE BOON CHYE (GOPENG) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan kaedah untuk menentukan harga petrol dan diesel memandangkan harga minyak mentah telah banyak berubah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penentuan harga runcit produk petroleum di Malaysia ditentukan melalui kaedah *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Kaedah ini telah diguna pakai sejak tahun 1983. Melalui APM, Kerajaan akan menetapkan harga runcit pada satu paras tertentu di mana perubahan kos produk tidak akan mengubah harga runcit. Perbezaan antara harga runcit dengan harga sebenar kos produk akan ditampung oleh subsidi dan pengecualian cukai jualan. Komponen APM terdiri daripada kos produk yang merupakan harga purata Means of Platts (MOPS), alpha, kos operasi, margin syarikat minyak, margin pengusaha, cukai jualan dan subsidi.

Melalui kaedah ini, komponen pemboleubah utama adalah kos produk dan kadar tukaran matawang. Oleh yang demikian, perubahan kepada kedua-dua komponen ini akan memberi kesan langsung kepada jumlah subsidi dan pengecualian cukai jualan Kerajaan dalam menentukan harga runcit petrol dan diesel.

Bagi memastikan harga produk petroleum tidak dinaikkan secara mendadak, Kerajaan akan mengikuti perkembangan pasaran harga kos produk setiap masa dan kadar tukaran matawang untuk menetapkan harga runcit petrol dan diesel. Berdasarkan kaedah ini, Kerajaan akan menaikkan harga runcit petrol dan diesel apabila kos produk naik di paras di mana Kerajaan mengecualikan semua cukai jualan dan menghabiskan subsidi 30 sen seliter.

Secara amnya, kaedah penetapan harga ini akan membolehkan Kerajaan mengutip cukai apabila harga kos produk rendah dan akan memberi subsidi serta pengecualian cukai apabila kos produk meningkat. Kaedah ini adalah wajar kerana Kerajaan boleh mendapat sedikit pendapatan melalui cukai jualan di samping dapat memberi harga runcit yang rendah kepada pengguna.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN.
(TANJONG MANIS)

TARIKH : 03.03.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan mengapakah projek Agropolitan Pulau Bruit ditarik balik memandangkan Kementerian telah dalam prinsipnya bersetuju dan Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak tanah sebanyak empat ribu hektar.

JAWAPAN:

Bagi makluman Y.B., kementerian tidak pernah menarik balik pelaksanaan Agropolitan Pulau Bruit bahkan Kementerian ini bersetuju dan menerima cadangan Kerajaan Negeri untuk pembangunan Projek Agropolitan Pulau Bruit, Bahagian Mukah, Sarawak di kawasan seluas 4,000 hektar untuk 1,000 Ketua Isi Rumah Miskin Tegar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' ABD.KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 3 MAC 2009

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a)Apakah pendirian Kerajaan Pusat terhadap terhentinya peruntukan melalui Pihak Berkuasa Negeri bagi projek-projek pembangunan negeri-negeri Pakatan Rakyat; dan
- (b)Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat bagi pembangunan projek-projek di lima Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat pada tahun 2007. Berapakah jumlah peruntukan pada tahun 2008.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Pusat akan terus melaksana projek pembangunan seperti yang telah dirancang untuk faedah rakyat di semua negeri tanpa mengambil kira sama ada ianya ditadbir oleh Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat. Walau bagaimanapun, bagi negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat,

pelaksanaan projek tersebut akan diselaraskan oleh agensi-agensi Persekutuan sahaja.

Untuk tahun 2007, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM9.5 bilion kepada negeri-negeri Pakatan Rakyat. Untuk tahun 2008, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM10.8 bilion.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK ROSNAH ABDUL RASHID SHIRLIN**
(PAPAR)
TARIKH : **3 MAC 2009 (SELASA)**
SOALAN : **minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**
ASAS TANI menyatakan :

- a) Program atau perancangan untuk membantu para petani, nelayan dan penternak dalam kawasan Papar;
- b) Bolehkah Kementerian memaklumkan program dan peruntukan yang telah disalurkan selama ini dan nyatakan impaknya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

a) Program pembangunan pertanian yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi kawasan Papar di bawah pembiayaan persekutuan dan negeri adalah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui adalah Jabatan Pertanian seperti berikut;

- i. Subsidi Pembajakan Sawah Padi;
- ii. Projek Pemulihan Tanah Sawah Terbiar;
- iii. Projek peningkatan hasil padi ke arah 10 tan sehektar; dan
- iv. Projek pembangunan tanaman sayuran dan buah-buahan.

Bagi sektor perikanan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melaksanakan pelbagai program untuk membantu para nelayan dan penternak

dalam negeri Sabah termasuk kawasan Papar melalui Jabatan Perikanan Sabah. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan, di antara program yang dilaksanakan adalah:

- i. Program Latihan Nelayan Dan Penternak Ikan
- ii. Program Bantuan Untuk Nelayan
- iii. Program Bantuan Untuk Penternakan Ikan
- iv. Program Bantuan Kemudahan Pemprosesan Hasil Perikanan

Bagi sektor ternakan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah membantu para penternak di daerah Papar bagi meningkatkan pendapatan sampingan mereka melalui aktiviti penternakan. Berdasarkan rekod Jabatan sehingga Disember 2008, penternak di daerah Papar yang mengikuti program anjuran Jabatan dan masih aktif adalah seperti berikut:

<u>Projek Jabatan</u>	<u>Bilangan Penternak</u>
Skim Pawah Kambing	9 orang
Projek Pembangunan Rusa	4 orang
Projek Lembu Tenusu	5 orang
Projek Pemeliharaan Itik	6 orang
Program Bumi Hijau Ayam	2 orang
Program Bumi Hijau Itik	2 orang

b) Di bawah pembiayaan Persekutuan, sebanyak RM145,800 diperuntukkan untuk projek pemulihan tanah sawah terbiar yang melibatkan keluasan 137 hektar; RM231,956 diperuntukkan bagi program pembangunan tanaman sayuran dan buah-buahan keluasan 82 hektar dan melibatkan 106 orang petani. Projek pembangunan tanaman ini telah membantu seramai 106 orang petani sayuran dan buah-buahan dalam bantuan pembukaan kawasan. Sebagai contoh penanam-penanam sayur di Kg. Kopimpinan yang mengusahakan projek ini secara berkumpulan (5 orang) telah memperolehi pendapatan sebanyak RM42,980 (4 pusingan) dan di Kg. Benoni sebanyak RM16,205 (2 pusingan). Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak RM49,500 bagi projek peningkatan hasil padi ke arah 10 tan sehektar dengan keluasan 90 hektar.

Di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri pula, sebanyak RM1.3 juta telah dibelanjakan bagi projek Subsidi Pembajakan Sawah Padi yang telah membantu seramai 2,366 pesawah (tahun 2006), 1,964 pesawah (tahun 2007) dan 2,371 pesawah (tahun 2008) dengan subsidi padi dan dianggar keluasan penanaman padi adalah 3,350 hingga 5,030 ekar setiap tahun. Sementara bagi projek pembangunan tanaman, sebanyak RM358,683 diperuntukkan termasuk pembinaan 1 unit Rumah Kalis Hujan untuk pelaksanaan projek oleh 5 petani.

Bagi sektor perikanan pula, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (setakat 2006-2008), jumlah peruntukan persekutuan yang telah dilaksanakan di kawasan Papar berdasarkan kepada program-program tersebut melalui Jabatan Perikanan Sabah adalah seperti berikut:-

PROGRAM	(RM)
i) Program Latihan Nelayan Dan Penternak Ikan (kursus membaiki enjin sangkut, pemprosesan dan akuakultur)	27,5000
ii) Program Bantuan Untuk Nelayan(enjin sangkut, pukot, GPS, kotak berinsulasi dan bot)	261,000
iii) Program Bantuan Untuk Penternakan Ikan (subsidi kolam ikan dan benih ikan)	
iv) Program Bantuan Pemprosesan Hasil Perikanan (peralatan pemprosesan keropok dll)	60,000
Jumlah	596,000

Secara keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan kepada daerah Papar bagi projek pembangunan sektor ternakan adalah sebanyak RM640,000. Dari segi impak, program yang telah dilaksanakan ini telah sedikit sebanyak menambah pendapatan penternak melalui penjualan ternakan yang dihasilkan.

No: 70

DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN
KEDUABELAS 2009
(16 FEBRUARI – 19 MAC 2009)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

70

Tarikh: 3 Mac 2009

Soalan: **Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hubungan duahala dalam bidang keselamatan antara Malaysia dan Amerika Syarikat khususnya berkaitan dengan Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002.

Jawapan: Tuan Yang DiPertua,
Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Kuala Kedah ke atas soalan yang dikemukakan.

Saya ingin menyatakan bahawa hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat dalam bidang keselamatan telah lama terjalin di antara pihak berkuasa dan agensi keselamatan Malaysia dan

Amerika Syarikat. Kerjasama ini merangkumi aktiviti pembasmian keganasan, narkotik, jenayah, penyeludupan bahan nuklear dan radioaktif serta penipuan dokumen/wang dan sebagainya.

Tuan Yang DiPertua,

Malaysia telah menandatangani Triti Bantuan Bersama Perundangan dalam Perkara Jenayah (*Mutual Legal Assistance Treaty on Criminal Matters- MLAT*) dengan Amerika Syarikat pada 28 Julai 2006 dan ia mula berkuat kuasa pada 21 Januari 2009. Triti ini membolehkan pihak berkuasa kedua-dua buah negara dalam membantu satu sama lain dalam proses penyiasatan jenayah termasuk mengambil keterangan, penyekatan urusan dan pembekuan harta, penyitaan, pencarian saksi dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]
TARIKH : 3 MAC 2009
SOALAN :

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membina sebuah klinik pakar asas di Bahagian Limbang memandangkan sekarang ini perkhidmatan pakar hanya terdapat di Hospital Miri.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan pada masa ini tidak membuat sebarang perancangan untuk mewujudkan sebuah klinik pakar asas di Bahagian Limbang, Sarawak. Ini kerana, pada masa ini perkhidmatan kepakaran asas diberi secara lawatan berkala di Hospital Limbang dan Klinik-klinik di Limbang. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia untuk mengkaji dan merancang untuk dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-10.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 3 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa projek perumahan di Taman Desaku, Padang Meha, di Padang Serai yang sepatutnya siap di bina pada Jun 2008 masih lagi belum disiapkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan yang telah dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terhadap projek perumahan Taman Desaku, Padang Meha, Kulim Kedah, didapati pemaju projek terbabit masih belum memperoleh lesen pemajuan perumahan serta permit iklan dan jualan yang sah untuk membangunkan projek perumahan tersebut. Sehubungan itu, KPKT sedang menjalankan siasatan lanjut di bawah subseksyen 5(1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NO: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA : Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]

TARIKH : 3 Mac 2009 (SELASA)

SOALAN : 78

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap penguatkuasaan penggunaan meter teksi kerana teksi di Stesen LRT Kelana Jaya enggan berbuat demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa memantau pemandu-pemandu teksi yang tidak menggunakan meter semasa membawa penumpang dan perkara ini merupakan salah satu daripada tugas rutin penguatkuasaan jabatan tersebut setiap hari. Di samping operasi harian, Jabatan ini juga mengadakan Ops Penyamaran bagi mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu teksi yang enggan menggunakan meter teksi atau gagal mengambil penumpang. Hasil daripada penguatkuasaan terhadap pemandu-pemandu teksi meter di negeri Selangor dari bulan Januari hingga Februari 2009, sebanyak 257 pemandu teksi telah diambil tindakan atas pelbagai kesalahan. Daripada jumlah ini, sebanyak 27 saman telah dikeluarkan kepada pemandu-pemandu teksi di LRT Kelana Jaya atas kesalahan tidak menggunakan meter.

Tuan Yang Dipertua,

Kaedah 16 hingga Kaedah 29, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Kenderaan Perdagangan) 1959 memperuntukkan mengenai penggunaan meter teksi dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pemilik dan pemandu teksi. Mana-mana pemilik atau pemandu teksi yang engkar mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Kaedah ini adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 119 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Selain denda, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga akan mengantung lesen memandu *Public Service*

Vehicle (PSV) bagi kesalahan kedua dan membatalkan lesen PSV bagi kesalahan ketiga. Seterusnya JPJ akan mengemukakan laporan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi tujuan pembatalan permit teksi tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Lip Eng

[Segambut]

TARIKH : 3 Mac 2009

SOALAN : Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa konsesi 15 tahun diberi kepada Syarikat Libroff Media dan bukan syarikat lain dalam kempen Islam hadhari untuk mengutip bayaran pengiklanan seperti di Gerbang Rebana Ubi di Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur. Berapakah anggaran kutipan bayaran pengiklanan dan jumlah levi kepada Kerajaan sepanjang tempoh konsesi ini.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Syarikat Libroff Media Sdn. Bhd telah diberi tanggungjawab oleh pihak Kerajaan untuk menyediakan Projek Penajaan Pintu Gerbang bagi Kempen Kesedaran Nilai-nilai Murni Islam Hadhari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Segambut, projek ini **tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada pihak kerajaan** kerana dalam perjanjian yang ditandatangani pada 7 Mac 2007 antara pihak Kerajaan Malaysia dan Syarikat Libroff Media Sdn. Bhd. pihak Syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas segala kos pembinaan, pemasangan dan penyelenggaraan pintu gerbang tersebut selama 15 tahun.

NO SOALAN: 74

Pada 7 Ogos 2007, Mesyuarat Jawatankuasa Setempat telah meluluskan cadangan pembinaan Pintu Gerbang di Jalan Syed Putra kepada Tetuan Libroff Media Sdn. Bhd. Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya meluluskan pembinaan 1 pintu gerbang sahaja iaitu di Jalan Syed Putra sebagai '*Pilot Project*'.

Pemohonan kelulusan pemasangan pintu gerbang oleh Tetuan Libroff Media Sdn. Bhd. telah diselaraskan di peringkat Jabatan Kerja Awam manakala Jabatan Pelesenan menyelaraskan kelulusan pemasangan Visual serta bayaran lesen iklan. Anggaran lesen iklan yang dikenakan kepada Tetuan Libroff Media Sdn. Bhd. adalah sebanyak RM24,400.00 setahun (RM366,000.00 bagi tempoh 15 tahun).

SULIT

NO SOALAN :75

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

**TARIKH : 3 MAC 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah nilai pembelian peralatan atau projek secara direct negotiation oleh Kementerian Pertahanan dari tahun 2006 hingga 2008 dan senaraikan secara terperinci.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan adalah untuk memenuhi keperluan 4 program teras utama Kementerian Pertahanan iaitu, bagi maksud modenisasi pertahanan, kesiapsiagan pertahanan, kebajikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan memperkasakan Industri Pertahanan. Pada tahun 2006, Kementerian Pertahanan telah membuat sebanyak 609 perolehan yang bernilai RM6.726 bilion. Dari jumlah tersebut, sebanyak 52 (8.54%) adalah perolehan secara rundingan terus (*direct negotiation*) yang bernilai RM2.113 bilion.

Pada tahun 2007 pula, Kementerian Pertahanan telah membuat 497 perolehan bernilai RM5.119 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak 95 perolehan dibuat secara rundingan terus dengan nilai sebanyak RM1.686 bilion. Jumlah ini merupakan 19.11% dari jumlah perolehan pada tahun 2007. Manakala pada tahun 2008, Kementerian Pertahanan telah membelanjakan sejumlah RM4.392 bilion bagi 100 perolehan yang dibuat secara rundingan terus iaitu 20.95% daripada sejumlah 477 perolehan bernilai RM8.116 bilion yang telah dilaksanakan.

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

Pada keseluruhannya perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus adalah sebanyak 247 atau 15.60% sahaja daripada sejumlah 1,583 perolehan yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan. Perolehan yang dibuat melalui proses rundingan terus merupakan perolehan yang melibatkan alat-alat keselamatan atau projek strategik tertentu yang perlu dirahsiakan seperti perolehan sistem persenjataan. Pada pandangan Kementerian, perolehan sebegini tidak wajar didedahkan kepada umum dan sekiranya perbincangan atau proses perolehan peralatan dan persenjataan ini dibuat secara terbuka, ia akan mendedahkan kelebihan dan kelemahan sistem tersebut kepada musuh dan seterusnya akan mendedahkan organisasi pertahanan kepada pihak-pihak tertentu secara tidak disedari.

Perolehan secara rundingan terus juga dibuat bagi perolehan peralatan bagi maksud penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan antara barangan sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli. Selain itu perolehan rundingan terus juga dilaksanakan bagi keperluan mendesak dan juga bagi peralatan dari satu punca bekalan atau perkhidmatan sahaja terutamanya seperti alatganti pesawat udara.

SOALAN NO : 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
[SERDANG]
TARIKH : 3 MAC 2009
SOALAN :**

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian akan mewujudkan insurans kesihatan nasional dan sekiranya ya, bila.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian pada masa ini sedang dalam proses penyediaan pelan rekabentuk dan menyediakan opsyen-opsyen dalam mewujudkan insurans kesihatan nasional ini. Kementerian juga akan mendapatkan maklumbalas daripada pelbagai pihak sebelum sebarang keputusan dibuat. Pihak Kementerian menjangkakan proses ini selesai dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)
TARIKH : 03.03.2009

SOALAN:

Y.B. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa guru baru yang keluar dari Maktab Perguruan di Sabah dihantar ke negeri Sarawak dan tidak sediakan jawatan untuk mereka di negeri Sabah. Mengapa guru yang tidak faham Bahasa Cina dihantar ke SJK (C).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan guru seluruh negara berdasarkan keperluan perkhidmatan dan kekosongan jawatan di sesebuah negeri. Penempatan guru juga adalah berdasarkan keperluan opsyen mata pelajaran. Oleh yang demikian, KPM tidak melaksanakan penempatan guru mengikut jenis sekolah atau negeri kelahiran seseorang guru tersebut.